



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 30

RABU 25 JULAI, 1984.

رابعو 26 شوال 1404

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika melafazkan titah di Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Perkembangan Ugama Islam di Temburong meningkat

PEKAN BANGAR. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda di Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 di Dewan Kemasyarakatan di sini pada Hari Khamis, 19 Julai lepas, telah melahirkan kegemilangan dengan perkembangan ugama Islam yang semakin meningkat dan bilangan pemeluk ugama Islam yang semakin bertambah di Daerah Temburong.

GEMBIRA

"Beta ingin merakamkan rasa kegembiraan Beta di atas perkembangan ugama Islam di daerah ini yang semakin bercahaya sinaran yang gemilang dengan adanya Pejabat Hal Ehwal Ugama yang baru dan dengan bertambahnya bilangan pemeluk-pemeluk ugama Islam di

Oleh: Abd. Karim HAB

daerah ini yang benar-benar sudi mensucikan niat dan tekad mereka yang benar-benar taat kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam," titah Baginda.

KEUTAMAAN

Mengenai dengan berbagai projek pembangunan yang terdapat di daerah itu seperti projek-projek rumah sakit yang baru, sekolah menengah dan perumahan bagi guru dan ahli-ahli bomba, Baginda bertitah, ianya adalah perlu diberi keutamaan demi untuk kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat Baginda di daerah Temburong.

MANISNYA IMAN

"Dan di antara mereka itu ada yang mengumpul angkan mengani pembahagian sedakah; kalau mereka diberi sebahagianya mereka beresong lalu tetapi kalau mereka tidak diberi mereka pun marah. — Maka ayat 58, Surah Al-Baqarah.

TUTONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah bertitah bahawa, Kerajaan Baginda sentiasa meneliti dan membuat kajian-kajian serta menitik beratkan lain-lain projek yang boleh mendatangkan faedah bagi

Menaikkan harga sewenang-wenang: TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL — titah

Oleh: Manap HAR

KUALA BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan bahawa kerajaan Baginda akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kenaikan harga barang oleh para peniaga di negara ini.

Oleh kerana itu, Baginda mengingatkan para peniaga di negara ini, sekali lagi supaya tidak akan menaikkan harga barang-barang secara yang tidak munasabah dan berpatutan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah, kenaikan gaji yang baru diperkenalkan bagi pegawai dan kakitangan kerajaan itu bukanlah sebagai alasan untuk para peniaga mengenakan kenaikan harga-harga.

Ke arah ini, menurut Baginda, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan terhadap sebarang kenaikan tersebut.

Dalam menegaskan perkara ini Baginda dan Yang Dipertuan selanjutnya bertitah: "Selaku tampuk pemerintahan dan teras negara, Beta dengan sesungguhnya menegaskan bahawa kerajaan Beta tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kenaikan harga di negara ini."

Bertitah di Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli sempena Hari Keputeraan Baginda bagi Daerah Belait, Baginda Yang Dipertuan selanjutnya menekankan, "Langkah dan tindakan terhadap kenaikan harga di negara ini termasuklah mengadakan langkah-langkah campurtangan di dalam pasaran barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan di mana yang perlu."

Di samping itu Baginda juga mengharap dengan

perubahan gaji baru itu, usaha-usaha akan diteruskan untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan amanah, dalam kerajaan dan sentiasa memelihara dan menjaga keselamatan dan keamanan negara ini.

Ke arah ini sekali lagi Baginda menitahkan, "Dengan perubahan gaji yang telah Beta perkenalkan itu maka Beta berharap dan berseru kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan Beta dalam semua bahagian dan bidang pekerjaan dalam perkhidmatan awam termasuk anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei agar mereka akan meningkatkan lagi azam dan tekad mereka untuk terus berusaha mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah dalam kerajaan Beta serta sentiasa memelihara dan menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara Brunei Darussalam yang tercinta ini."

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam memotong kek sambil diperhatikan oleh Pemerintah ABDB, Beredier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger.

D.Y.M.M. berangkat ke majlis kesyukuran

PENANJONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar Duli ke Majlis Meraikan Hari Puja Usia Baginda yang ke-38 tahun bertempat di Mess Pegawai Penanjong Garison pada malam Sabtu lepas.

Keberangkatan Baginda ke Majlis tersebut dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri John Peter Friedberger dan lain-lain Pegawai Kanan pasukan tersebut.

Sejurus keberangkatan Baginda ke Majlis itu, Baginda kemudian diperkenalkan dan seterusnya beramah mesra dengan Pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan selanjutnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong kek hari puja usia.

Juga berangkat ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan

Lihat muka 16

Kerajaan beri keutamaan projek yang berfaedah

Oleh: Ahat Ismail

dinikmati oleh rakyat dan penduduk seluruh negara.

Bertitah demikian di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dalam Istiadat Mengadap Menjun-

jung Duli sempena Hari Keputeraan Baginda ke-38 tahun pada minggu lepas, seterusnya bertitah rakyat dan penduduk di negara ini sangat beruntung dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Waataala atas segala rahmat-

Lihat muka 16



25 JULAI, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MEMAHAM DAN MENGAMALKAN CORAK NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA

KEDUDUKAN Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja telah dimaktubkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan. Pemasyhuran yang bersejarah itu dilihat oleh pemerhati-pemerhati politik mempunyai signifikannya dengan menyebutkan corak dan kedudukan Brunei Darussalam yang merdeka, yang dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu

Islam Beraja.

Oleh yang demikian maka konsep negara Melayu Islam Beraja bukanlah suatu fahaman yang baru disebut-sebut atau baru diciptakan dan akan diperjuangkan untuk diwujudkan tetapi adalah suatu fahaman yang sebenarnya sudahpun menjadi kenyataan. Dan ia menjadi kenyataan itu pun bukanlah baru semenjak kita merdeka tetapi telah lama sebelum itu. Dalam hal ini kita mungkin masih dapat mengingat betapa dalam gerakan penerangan yang dilancarkan bagi memahami rakyat berhubung dengan pencapaian semula kemerdekaan, corak negara disebut dengan rantang dalam hampir semua kesempatan. Perkataan 'Kesultanan Melayu Islam' telah disebut-sebut dalam gerakan penerangan dengan berasaskan fahaman kepada perjalanan sejarah; semangat Perlembagaan tahun 1959; Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Memangku Raja tahun 1959; dan Undang-undang Taraf Kebangsaan tahun 1961. Berdasarkan semangat dokumen-dokumen tersebut dan pemahaman kepada perjalanan sejarah negara dari zaman dahulu hingga kepada zaman sekarang maka kelantangan menyebut 'Kesultanan Melayu Islam' dalam gerakan penerangan dalam tempoh sebelum menjelang kemerdekaan itu bukanlah mengemukakan suatu fahaman baharu kenegaraan bahkan sebaliknya adalah mengketarakan konsep yang sememangnya telah menjadi kenyataan tetapi tidak disebut dengan jelas dan terang sebelumnya.

Kerana itu apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyebutkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan mengenai kedudukan dan corak negara kita yang merdeka, Baginda telah menyebutkan dengan sebutan perkataan yang jelas, dalam bentuk pernyataan azam, bagi mengekalkan corak dan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, di mana dengan itu memberi makna bahawa corak dan kedudukan tersebut adalah suatu corak yang sudah menjadi kenyataan dan kita semua berazam menyertai Baginda untuk mengekalkan kenyataan itu dengan izin serta limpah kurnia Allah jua.

Maka dalam hubungan azam tersebut adalah sangat menggembarakan manakala Kerajaan memutuskan untuk memperkenalkan satu mata pelajaran baharu yang dinamakan 'Konsep Kenegaraan'. Mata pelajaran tersebut, sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini oleh Yang Dimulikan Menteri Pelajaran dan Kesihatan, akan diperkenalkan kepada semua guru-guru, belia dan penuntut dengan tujuan supaya semangat bermasyarakat Melayu, keyakinan beragama Islam dan taat kepada Raja akan terus wujud sebagai unsur tunggal keBruneian turun-temurun.

Dilihat dari segi pengaruh pendidikan ke atas orang perseorangan dan masyarakat maka adalah tepat langkah memperkenalkan konsep kenegaraan yang sudah menjadi kenyataan itu menerusi saluran pendidikan yang formal. Konsep bernegara Melayu Islam Beraja yang

merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal-jamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, sudah barang tentu akan lebih difahami dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat apabila ia disebarkan secara yang meyakinkan. Mengenai hak ini kita menaruh kepercayaan akan keupayaan pihak-pihak yang berkenaan Kerajaan untuk merumuskan konsep tersebut dengan jelas-jelasnya sebagai suatu perkara yang sudah menjadi kenyataan dan perlu difahami, dihayati yang seterusnya dijadikan suatu kebanggaan berbangsa dan bernegara.

Dari satu aspek yang lain pula konsep negara Melayu Islam Beraja itu sekalipun adalah hakikat dalam sosiopolitik kenegaraan kita tetapi penjelasan mengenai itu tidaklah akan semata-mata berdasarkan apa-apa saranan dalam fahaman politik dan kemasyarakatan. Yang lebih penting asas-asas penjelasan hendaklah juga mengambil kira akan fahaman keagamaan di mana bernegara dan berkerajaan itu dituntut oleh Allah Subhanahu Wataala untuk kesejahteraan umat dan bangsa dan untuk mensucikan Allah serta mensyiarkan agama-Nya. Ini bermakna keyakinan kepada konsep negara Melayu Islam Beraja hendaklah mengambil kira akan iradat Allah Subhanahu Wataala yang mentakdirkan Brunei kekal sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam dan segenap isi di dalamnya telah mendapat limpah kurnia Allah untuk berkehidupan aman sejahtera.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan ketika merasmikan Minggu Pesta Buku '84 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

PESTA BUKU BERAKHIR HARI INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Minggu Pesta Buku 84 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, yang berlangsung selama seminggu di Pusat Belia di ibu negara berakhir hari ini.

Minggu Pesta Buku 84 yang bertemakan 'Buku Sumber Ilmu' telah bermula Khamis lalu, 19 Julai dengan satu upacara pembukaan rasmi oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Kira-kira 20 buah badan penerbit dan pengedar dalam dan luar negeri telah mengambil bahagian dalam pesta tersebut. Ianya telah mempamerkan berjenis-jenis buku, sesuai dengan hasrat

untuk menggalakkan minat membaca di kalangan penduduk negara.

Minggu Pesta Buku julung-julung kalinya diadakan atas kesedaran dan keinginan untuk memperluas dan mempertinggi ilmu pengetahuan masyarakat Brunei yang semakin hari terdedah kepada dunia antarabangsa, dan mendedahkan kepada masyarakat tentang pentingnya ilmu pengetahuan yang biasanya ditimba dari buku-buku.

Antara objektif Minggu Pesta Buku ialah bagi menarik perhatian dan memupuk kesedaran masyarakat terhadap pentingnya membaca, menggalakkan orang dewasa dan murid sekolah supaya mempunyai tabiat membaca yang baik, menggalakkan penulisan dan memperbaiki kualiti sastera dan karya kreatif, serta memberi peluang dan menyediakan satu arena perbincangan dan pertukaran buah fikiran di antara penerbit pengedar buku, penulis, pencetak, pendidik, pustakawan dan pihak lain yang berminat dalam

perkembangan buku, percetakan dan penerbitan dalam dan luar negeri.

Selain itu, sesuai dengan tujuan-tujuan pesta itu diadakan, acara-acara sampingan juga diadakan seperti

Sesi Masa Ber cerita, Permainan Dalam dan Kuiz, Pertunjukan Puppet, Sesi Berjumpa Pengarang-pengarang Tempatan, tayangan video dan filem serta Bengkel Menggalakkan Tabiat Membaca.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz ketika menyaksikan pameran tersebut.

Brunei hantar wakil ke Sidang Menteri Pelajaran Komanwel

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya

Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan kini berada di

Cyprus untuk menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Negara-Negara Komanwel kali kesembilan.

Persidangan yang berlangsung selama seminggu di Nicosia itu membincangkan berbagai-bagai aspek dan konsep kemajuan pelajaran, termasuk kerjasama yang boleh dilakukan di kalangan negara-negara Komanwel.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan itu disertai oleh enam orang Pegawai Pelajaran. Mereka ialah Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Saman bin Kahar; Pengarah Kenaziran, Awang Roderick Yong; Penolong Pengarah Pelajaran, Dayang Hajjah Azizah bte Penglima Asgar Dato Haji Abdullah; Pegawai Pembangunan dan Perkembangan, Awang Maidin bin Haji Ahmad; Pemangku Penguasa Pelajaran Menengah, Dayang Norsiah bte Haji Daud dan Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Awang Haji Jali bin Abd. Latif.



YANG Dimulikan Menteri Pelajaran dan Kesihatan sejeurus sebelum bertolak. Turut mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dato Dr. Haji Johar bin Dato Haji Nordin (kiri).

Kejohanan meluncur angin

BANDAR SERI BEGAWAN.

Satu kejohanan meluncur angin (wind surfing) bagi merebut piala kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiyah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan akan berlangsung awal bulan depan.

Kejohanan yang ditaja oleh Shell Brunei itu adalah buat pertama kalinya dikendalikan oleh Persatuan Layar Meluncur Angin Kebangsaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan ianya akan menjadi pro-

jek tahunan persatuan tersebut.

Kejohanan meluncur angin ini akan diadakan di Pantai Serasa selama tiga hari bermula 3 hingga 5 Ogos serta dibukakan untuk penyertaan orang ramai seluruh negara dengan bayaran masuk \$5.00 bagi ahli persatuan dan \$15.00 bagi yang bukan ahli.

Semenjak berkembangnya sukan ini di kalangan peminat-peminat sukan air, persatuan ini berusaha untuk mengadakan lebih banyak lagi pertandingan dan kejohanan ini juga merupakan inisiatif mereka ke arah meningkatkan lagi serta mengembangkan ke arah tahap yang lebih mencabar dan membanggakan.

Tujuh acara telah disusun untuk dipertandingkan dalam kejohanan ini yang termasuk 'VIP race'. Antaranya lomba marathon, novice marathon, open triangle 1, 2 dan 3, novice triangle 1 dan 2, fun board dan freestyle.

Bagi mereka yang berminat untuk menyertai dan mendapatkan borang dan keterangan lanjut bolehlah menghubungi Cikgu Jemat Haji Ampal di Bahagian Menengah Jabatan Pelajaran. Awang Yahya Mat Zain di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan di Beaver Company. Bangunan Begawali, Jalan Gadong.

Penerimaan penyertaan akan dibuka sehingga kejohanan itu bermula pada 3 Ogos depan. — MHR

PENYERAHAN KUNCI RUMAH PERPINDAHAN

BERAKAS. — Satu majlis penyampaian anak-anak kunci rumah kepada 21 orang ketua-ketua keluarga bagi penduduk-penduduk Perpindahan Kampong Serasa peringkat kedua telah diadakan

di Jabatan Perpindahan, Kementerian Pembangunan pada Selasa lepas.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tanah Awang Haji Yahya bin Haji Harris. Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman bin Haji Yaakob.

Terdahulu dari itu diadakan pengundian di antara penduduk-penduduk tersebut diikuti dengan menandatangani surat-surat perjanjian serta taklimat berhubung dengan rancangan perpindahan.

Di peringkat pertama seramai 44 orang keluarga Kampong Perpindahan Serasa telah menerima anak-anak kunci rumah mereka pada bulan lepas. Kebanyakan mereka yang menyertai rancangan perpindahan Kampong Serasa adalah penduduk-penduduk yang berasal dari Kampong Masjid Lama, Pekan Muara.

Menurut seorang pegawai dari Jabatan Perpindahan tujuan perpindahan bagi penduduk-penduduk tersebut adalah untuk membesarkan kawasan Pelabuhan Muara.

Di akhir majlis doa selamat dibacakan oleh Mudim Awg. Mat Jaya.

Kejohanan terbuka go-kart

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan terbuka Go Kart anjuran Persatuan Automobil Brunei (AAB) akan diadakan di kawasan letak kereta di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Ahad 29 Julai 1984. Ianya akan bermula pada jam 9.00 pagi.

Kejohanan ini dianjurkan sebagai sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38.

Peserta-peserta yang berminat bolehlah mendapatkan borang-borang penyertaan dari pegawai-pegawai Persatuan; Awang Bernard Wong Tel: 23792, Jennifer Narcais Tel: 20864 atau Presiden AAB Awang Osman bin Haji Omar Tel: 24659.

Penonton-penonton adalah diingatkan bahawa langkah-langkah keselamatan dari pihak berkuasa tertentu untuk mengelakkan sebarang kemalangan akan dibuat semasa kejohanan itu yang mana adalah kali pertama ianya diadakan bagi tahun ini.

Perjumpaan Syarikat Kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kemajuan Kerjasama memaklumkan kepada Keda-kedai Syarikat Kerjasama yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Kerjasama bagi Daerah-daerah Brunei-Muara dan Tutong bahawa satu perjumpaan akan diadakan pada hari Ahad 29 Julai 1984 bertempat di Jabatan Kemajuan Kerjasama pada jam 9.00 pagi.

Mereka adalah diminta menghantar wakil di dalam perjumpaan itu untuk mengadakan perbincangan dengan Jabatan tersebut mengenai pembekalan barangan.



PESURUHJAYA Tanah, Awang Yahya bin Haji Harris ketika menyampaikan anak kunci rumah kepada salah seorang penduduk Kampong Perpindahan Serasa.

7 orang guru dapat Diploma

NEWCASTLE UPON TYNE. — Seramai tujuh orang penuntut dari Brunei telah menerima Diploma masing-masing dari University of Newcastle Upon Tyne di Timur Laut England setelah berjaya menamatkan satu kursus di Centre for the Development of Education Overseas.

Mereka ialah Awang Abdul Rahman bin Marusin dari Temburong, Awang Abdullah bin Haji Mohammed Noor dari Muara, Awang Jaafar bin Haji Ahmad dari Bandar Seri Begawan, Dayang Jamilah binti Haji Abdullah Samat dari Berakas, Dayang Aminah binti Matzen dari Jalan Muara dan Awang Moxin bin Mohamad dari Bandar Seri Begawan. Penyampaian tersebut telah dibuat oleh Profesor Laurence Martin, Vice Chancellor Universiti tersebut.

Mereka adalah terdiri dari guru-guru atau pentadbir-pentadbir pelajaran yang berpengalaman dan telah mempelajari sistem pelajaran British selama 12 bulan. Kur-

sus itu termasuklah lawatan ke Sekolah-sekolah, Maktab-maktab dan perbincangan dengan guru-guru di sana mengenai kaedah-kaedah mengajar.

Pengarah Pusat tersebut, Mr Guy Branthwaite, menyatakan bahawa matlamat Pusat tersebut ialah untuk membantu guru-guru dan mereka yang berkaitan dengan pelajaran meluaskan pengalaman mereka dengan memerhati perjalanan sistem persekolahan British.

Beliau menambah bahawa bukanlah tujuan mereka untuk menerapkan sistem pelajaran British kepada mana-mana negeri tetapi untuk mendapatkan pengalaman dan teknik dari guru-guru di Britain adalah satu manfaat kepada guru-guru luar negeri.

Tambah beliau lagi bahawa kursus itu telah berjalan di Universiti tersebut lebih dari 20 tahun dan antara pelajar-pelajar lepasan adalah terdiri dari Menteri-menteri Kerajaan dan pentadbir-pentadbir kanan.

Pecah rumah: Empat dihukum penjara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai empat orang telah dijatuhkan hukuman penjara berjumlah 71 bulan oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan setelah didapati bersalah kerana mencuri dan pecah rumah di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Tutong.

Mereka ialah Awang Harun bin Haji Abd Hamid 18, 21 bulan penjara setelah melakukan sebanyak enam kesalahan mencuri, Awang Abdullah bin Zakaria, 22, 25 bulan penjara setelah melakukan sebanyak tujuh kesalahan mencuri.

Awang Salleh bin Sijim 17, 19 bulan penjara setelah melakukan sebanyak lima kesalahan mencuri dan Awang Anuar bin Jalil, 18, 6 bulan penjara setelah melakukan sebanyak dua kesalahan mencuri. Kese-

muanya tidak mempunyai sebarang pekerjaan tetap.

Menurut pihak Polis kumpulan mencuri itu telah ditangkap pada 20 Jun lepas pada lewat tengah malam di bulan Ramadan di Jalan Kota Batu ketika Polis mengadakan rondaan. Sebelum mereka diberkas pihak Polis telah mengejar kereta kumpulan pencuri itu yang cuba melarikan diri sepanjang dua batu, di Jalan Kota Batu di mana kereta rompak itu terbalik mengakibatkan dua orang mendapat cedera ringan. Setelah diperiksa kereta mereka didapati beberapa buah kaset curian.

Barang-barang curian tersebut yang telah didapati oleh pihak Polis di antaranya peti tv, radio, kaset dan im-plyfier, Hi-Fi, jam dinding, kipas angin dan beberapa helai pakaian sukan.

Peon dipenjara kerana mencuri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang budak pelayan di Jabatan Kerja Raya, Ak Momin bin Pengiran Haji Mohd Said, 23 tahun telah dijatuhkan hukuman dua tahun 15 hari penjara oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan setelah beliau mengaku bersalah mencuri beberapa buah kaset kereta

dan im-plyfier di Jalan Gadong bulan lepas.

Ak Momin juga mengaku salah melakukan pecah kereta di Jalan Berakas, Jalan Ong Sum Ping, Jalan Gadong dan kawasan bandar. Pihak polis telah mendapati barang-barang curian 8 buah kaset kereta dan im-plyfier setelah beliau menyerahkan diri ke

Kejohanan Olahraga di Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pada memeriakkan dan menyemarakkan lagi sambutan Hari Keputeraan tahun ini bagi Daerah Belait satu kejohanan olahraga anjuran jawatankuasa tertinggi perayaan akan berlangsung Ogos depan.

Kejohanan yang terbuka kepada persatuan belia, kelab, badan sukan jabatan kerajaan dan swasta itu selain dari acara perayaan ianya juga dihasratkan bagi mengukil bakat-bakat olahraga di daerah tersebut.

Sebanyak enam acara padang dan trek bagi lelaki dan lima bagi wanita di samping acara 4x100 meter berpasukan lelaki dan wanita akan dipertandingkan. Antaranya termasuk lumba lari 100 meter, 200 meter, 400 meter, 800 meter dan 1,500 meter bagi lelaki dan wanita, lompat tinggi, lompat jauh, lompat kijang, buang peluru, lontar lembing dan lempar piring.

Di kejohanan itu juga akan bermula pada 12 Ogos depan di Padang Arena, Seria bermula jam 8.00 pagi akan dibukakan kepada ketua-ketua jabatan, penghulu dan ketua kampung dan ketua rumah panjang yang berumur 38 tahun ke atas.

Acara yang mereka ambil termasuk lempar piring, buang peluru, lontar lembing dan lumba 100 meter (berseluar panjang).

Perlumbaan khas 4x100 meter bagi lelaki dan wanita, 4x400 meter bagi ketua jabatan kerajaan, 100 meter jalan kaki bagi jemputan khas dan 200 meter berseluar panjang bagi ahli jawatankuasa dan pegawai olahraga serta 100 meter jalan kaki bagi wanita terbuka kepada ahli jawatankuasa, jemputan dan pegawai olahraga, juga akan diadakan.

Para peserta yang berminat untuk menyertai kejohanan kali keempat ini bolehlah mendapatkan keterangan lanjut dan borang penyertaan dari Awang Ismail Apang dan Awang Sulaiman bin Haji Udin di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kuala Belait.

Borang-borang yang telah diisikan dengan sepenuhnya boleh dikembalikan kepada Setiausaha Kejohanan ini, Awang Abdul Rahman bin Hashim di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan tidak lewat dari 28 Julai '84.

Balai Polis Bandar Seri Begawan pada 16 Jun lepas.

Menurut pihak Polis seorang pekerja kedai di Jalan Kumbang Pasang, Awang Lim Kim Hua, 37, telah didenda \$3,000 oleh mahkamah yang sama setelah didapati bersalah membeli barang-barang curian tersebut.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-236

MELIHAT AURAT PEREMPUAN UNTUK RAWATAN

MUKADDIMAH:

BERKATA Al-Alamat pengarang Fathul Karibi serta Syekh Al-Islam Ibrahim Al-Bajuri dalam Hasyiatu fathi al-Karib: Pandangan laki-laki kepada perempuan ada berbagai-bagai hukum pada Syarak:

- 1) Laki-laki asing, sekalipun ia tua lemah dari wati, maka pandangan ia kepada perempuan asing itu, dengan tiada apa-apa hajat dan tujuan, adalah haram.
- 2) Pandangan suami kepada isteri dan kepada hamba sahnya, maka pandangan kedua-dua pihak itu akan pihak yang lain (suami isteri) adalah harus dan boleh, melainkan kemaluan kedua-dua pihak itu, kata Kil: Haram suami atau isteri melihat kemaluan masing-masing itu, tetapi menurut kaul yang

lebih asahhi dan sah, adalah harus dan boleh masing-masing itu memandang kemaluan yang lain itu serta makruh memandang itu.

- 3) Pandangan laki-laki kepada perempuan mahramnya, dengan sebab nasab keturunan atau sebab susuan atau semenda, adalah harus dan boleh melihat anggota mahramnya itu, melainkan anggota yang di antara pusat dan di antara dua lutut, adalah haram dilihat, begitu juga pandangan perempuan kepada laki-laki mahramnya seperti hukum pandangan laki-laki kepada perempuan mahramnya.
- 4) Pandangan laki-laki asing kepada perempuan asing, kerana hajat dan tujuan hendak nikah, maka harus dan boleh laki-laki asing itu memandang muka dan dua

tapak tangan perempuan asing luar dalam tapak tangannya itu sehaja selagi ada hajat pada hendak menentukan keadaan perempuan yang ia hendak nikahkan itu.

- 5) Pandangan laki-laki asing kepada perempuan asing, kerana hajat dan tujuan mengubat perempuan itu, maka harus dan boleh bagi doktor yang ia laki-laki asing melihat perempuan asing itu pada tempat-tempat yang ia hendak ubatkan sehingga pada kemaluan, tetapi mestilah mengubat itu berlaku di hadapan suami perempuan itu atau di hadapan mahram perempuan itu atau mahram perempuan kepada doktor itu, atau di hadapan seorang perempuan yang amanah bukan Fasiqah. Dan hanya harus dan boleh laki-laki asing mengubat perempuan asing itu,

ketika tiada ada mana-mana perempuan yang boleh dan dapat mengubat perempuan asing itu.

Ringkasannya:

Disyaratkan pada mengubat iaitu pada sama jenis yang mengubat dan yang kena ubat itu iaitu hendaklah laki-laki mengubat akan laki-laki, atau perempuan mengubat akan perempuan, atau jika tiada sama jenis maka disyaratkan ada bersamasama di situ mahram atau suami ketika mengubat itu, iaitu ketika laki-laki mengubat akan perempuan atau perempuan mengubat akan laki-laki, dan disyaratkan janganlah ada orang kafir laki-laki mengubat ketika ada laki-laki Islam yang boleh mengubat, tetapi perempuan kafir dihadulukan daripada laki-laki Islam pada mengubat perempuan Islam, kerana pandangan perempuan kafir dan sentohnya lebih ringan daripada laki-laki

asing, kerana perempuan kafir boleh dan harus ia melihat perempuan Islam mana anggota perempuan Islam yang terdedah dan tersilak waktu perempuan Islam itu menjalankan kerja biasa di rumahnya, dan anggota-anggota yang lain yang tiada terdedah waktu menjalankan kerja di rumah, maka haram perempuan kafir melihat anggota yang tersembunyi daripada perempuan Islam ketika ia menjalankan kerja itu.

Berkata Al-Imam Al-Bolkini; susunannya begini:

Pada mengubat perempuan, maka ia berkata: Didahulukan perempuan Islam pada mengubat perempuan Islam kemudian dihadulukan kanak-kanak Islam yang belum hampir baligh (kiranya tiada perempuan Islam), kemudian dihadulukan kanak-kanak kafir yang belum hampir baligh, kemudian dihadulukan

kanak-kanak Islam yang hampir baligh, kemudian dihadulukan kanak-kanak kafir yang hampir baligh, kemudian dihadulukan mahram laki-laki yang beragama Islam, kemudian dihadulukan mahram laki-laki yang bukan beragama Islam, kemudian dihadulukan laki-laki Islam yang kemaluannya dipotong sehingga ke pangkalnya dan buahnya, kemudian dihadulukan perempuan kafir, kemudian dihadulukan laki-laki kafir yang kemaluannya dipotong sehingga ke pangkalnya semuanya dan buahnya. Kemudian dihadulukan laki-laki Islam asing, kemudian dihadulukan laki-laki kafir asing, tetapi suami dihadulukan daripada sekalian yang tersebut di atas ini pada mengubat perempuan.

WALLAHUAKLAM
(bersambung)



DBP anjur dua peraduan menulis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan peraduan menulis buku cerita bergambar dan peraduan menulis rencana umum.

Dalam peraduan menulis rencana umum, ianya adalah terbuka kepada warganegara Brunei kecuali jawatankuasa penyelenggara peraduan dan panel hakim. Semua rencana hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu, dalam tulisan rumi dengan menggunakan sistem ejaan baru dan semua rencana mestilah merupakan karya asli bukan terjemahan, saduran atau penyesuaian yang boleh menyebabkan rencana itu bukan karya asli.

Tajuk, isi dan kandungan rencana adalah bebas tetapi yang lebih diutamakan ialah mengenai hal-hwal dalam negeri, Negara Brunei Darussalam. Rencana yang ditulis hendaklah tidak kurang dari 3,000 perkataan dan hendaklah bertaip jarak langkah dua baris pada sebelah muka kertas ukuran quarto sahaja.

Setiap rencana yang dihantar hendaklah disertai dengan nama penulis dan nama pena, nombor kad pengenalan dan alamat penuh di dalam borang yang disediakan sementara itu penulis hanya dibenarkan mengemukakan sebuah manuskrip rencana yang tidak pernah tersiar. Semua karya mestilah dihantar kepada Setiausaha Peraduan Menulis Rencana Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak lewat dari 29 September, 1984.

Tiga hadiah penghormatan akan diberikan kepada tiga manuskrip rencana terbaik di mana pemenang pertama akan menerima \$2,000, pemenang kedua menerima \$1,500 dan pemenang ketiga menerima \$1,000 manakala empat hadiah penghargaan masing-masing bernilai \$500.00 juga akan diberikan. Keputusan peraduan akan diumumkan pada 1 Disember 1984.

Dalam bahagian peraduan menulis buku cerita bergambar ianya juga terbuka kepada warganegara Brunei sahaja kecuali jawatankuasa penyelenggara peraduan dan panel hakim.

Cerita mestilah ditulis dalam bahasa Melayu, dalam tulisan rumi dengan menggunakan sistem ejaan baru. Cerita mestilah merupakan karya asli bukan terjemahan atau saduran. Tajuk cerita adalah bebas dan isi cerita hendaklah berunsurkan pendidikan, akhlak dan pembangunan Negara Brunei Darussalam dan panjangnya kira-kira 800 — 1,500 perkataan.

Cerita yang ditulis mestilah tidak menyinggung mana-mana pihak sama ada bangsa, agama, budaya, peribadi orang, kumpulan tertentu dan sebagainya dan ianya hendaklah sesuai untuk bacaan kanak-kanak yang berumur antara 10 — 12 tahun. Sementara itu penulis hanya dibenarkan mengemukakan sebuah manuskrip cerita yang belum per-

nah tersiar di mana-mana penerbitan.

Manuskrip cerita dan keterangan lengkap mengenai nama penulis, nama pena, nombor kad pengenalan dan alamat penuh yang diisi di dalam borang yang berasingan mestilah dikirimkan kepada Setiausaha Peraduan Menulis Buku Cerita Bergambar, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lewat dari 29 September 1984. Keputusan peraduan ini akan diumumkan pada 1 November, 1984.

Tiga hadiah penghormatan akan diberikan kepada tiga buah manuskrip cerita yang terbaik di mana pemenang pertama akan menerima hadiah sebanyak \$1,000, \$750.00 bagi pemenang kedua dan \$500.00 bagi pemenang ketiga. Empat hadiah penghargaan yang bernilai \$250.00 tiap-tiap satu juga disediakan.

Kedua-dua peraduan ini adalah bertujuan antara lain untuk menggalakkan para penulis bergiat dalam penulisan yang dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat dan memperbanyakkan bahan bacaan tempatan.

Keterangan lanjut mengenai peraduan ini boleh diperolehi dari Ketua Bahagian Buku-buku Umum, Awang Mohd. Shahrul bin POKJLAID Awang Haji Mohd. Hussin di tingkat 4 Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka atau telefon 23511 sambungan 226.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 25 Julai hingga 31 Julai 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	25.7.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	25.7.1984	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	25.7.1984	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang	26.7.1984	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	26.7.1984	Khamis	1.45- 2.45 petang
Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yusoff Katimahar	28.7.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	28.7.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	28.7.1984	Sabtu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Birau	28.7.1984	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	28.7.1984	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	28.7.1984	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing	30.7.1984	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	30.7.1984	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	31.7.1984	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas	31.7.1984	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap	31.7.1984	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong	31.7.1984	Selasa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring.	31.7.1984	Selasa	4.30- 5.30 "

Pertandingan permainan lalulintas

KUALA BELAIT. — Pertandingan Permainan Lalulintas Shell Brunei bagi Daerah Belait akan diadakan pada hari Ahad 19 Ogos 1984 bertempat di Taman Permainan Lalulintas Shell Brunei di G12-Lorong 11, Seria bermula pada jam 8.00 pagi.

Pertandingan itu terbuka kepada Sekolah-sekolah rendah Kerajaan (aliran Melayu, Inggeris dan Ugama) dan

Sekolah-sekolah rendah Misi dan Cina di daerah tersebut. Johan dan naib johan di pertandingan tersebut akan mewakili daerah itu ke pertandingan peringkat negara.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh diperolehi dari Awang Ismail bin Apeng di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan Kuala Belait dan Awang Mohd. Jali bin Radin di Jabatan Pela-

jaran Kuala Belait.

Borang-borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha Permainan Lalulintas Shell Brunei bagi Daerah Belait, Awang Ismail bin Apeng di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan tidak lewat dari 30 Julai 1984.

Tema pertandingan kali ini ialah 'Bertumbang rasa dan berwaspada di jalan raya'.

MARILAH kita semuanya bertakwa ke hadirat Allah dengan sebenar-benar takwa dengan menjunjung segala apa jua yang disuruh dan diperintahkan-Nya serta menjauhi segala apa jua yang dilarang-Nya.

Satu daripada rukun Islam yang lima ialah mengeluarkan zakat. Zakat ertinya membersihkan, menyubur dan menanam. Sementara pada syarak ertinya mengeluarkan sebahagian daripada kadar harta yang tertentu untuk diberikan kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya.

Syarat wajib zakat itu ada lima:

1. Orang Islam. Orang bukan Islam tidak dikenakan kewajipan ini.
2. Orang yang ada harta dan harta itu pula ialah milik dan kepunyaannya sendiri.
3. Merdeka.
4. Sampai nasab yakni cukup had atau kadar harta yang dimestikan berzakat.
5. Cukup haul yakni tempoh masa setahun.

Ayat Al-Quran yang menerangkan tentang wajibnya zakat ini, Firman Allah Taala dalam Surah An-Nisa ayat 77 yang taf-sirnya:

"Kerjakanlah sembahyang dan bayarlah zakat."

Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam:

"Sucikanlah harta-harta kamu dengan mengeluarkan zakatnya."

Di dalam harta yang belum dizakat itu ada hak orang lain kerana itulah ia dianggap belum bersih selama mana ia tidak dikeluarkan zakat. Kadar yang wajib dizakat itu ialah yang mesti diasingkan dan diberi kepada yang berhak menerimanya maka baharulah harta itu dianggap bersih. Dalam sebuah hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam bahawa mengeluarkan zakat itu ialah untuk menghilangkan kejahatan harta tersebut. Dan adapun harta yang telah dikeluarkan zakatnya itu terpelihara ia daripada

kebinasaan dan hilang disebabkan ada berkat padanya.

Di masa akhir-akhir ini semakin banyak zakat harta yang telah diterima daripada orang-orang Islam dalam negara ini. Di dalam tahun 1983 sahaja umpamanya pihak Baitul Mal Bahagian Zakat telah menerima lebih daripada setengah juta ringgit berbanding dengan dua tahun kebelakangan. Tahun 1981, zakat yang diterima hanya berjumlah lebih sedikit dari \$300 ribu, tahun 1982 berjumlah lebih \$400 ribu sementara sehingga 9 haribulan Julai 1980 tahun ini zakat yang diterima berjumlah \$2,400,000 (dua juta empat ratus ribu ringgit) lebih. Semua itu tidak termasuk kutipan zakat fitrah.

Ini semua menandakan adanya kesuburan di dalam Negara Brunei Darussalam ini, subur yang terang berupa kekayaan dan kedua maknawi berupa semangat kesedahan dan ketaatan


beragama di kalangan kita orang-orang Islam.

Alhamdulillah kita bersyukur kerana semakin ramai orang-orang Islam yang mematuhi perintah Allah mengeluarkan zakat itu maka semakin besar lagi nikmat Allah kepada mereka dan bahkan kepada negara dan umat Islam. Harta mereka tidak syak lagi diberkati oleh Allah. Berkat itu ertinya lebih atau bertambah. Orang yang berzakat bukanlah dia mengu-
kurkan hartanya tetapi sebaliknya menyuburkan harta itu menjadi lebih banyak lagi dengan izin Allah. Harta yang dizakat adalah harta yang selamat sementara harta yang tidak dizakat pula tiada jaminan keselamatan baginya. Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam:

"Tidak ada kebajikan pada harta yang tidak dizakat."

Sabdanya lagi yang bermaksud:

"Barangsiapa menahan hartanya dari dizakat nescaya menahan Allah



Taala daripada hartanya." Yakni Allah tidak mahu turut memelihara hartanya itu.

Oleh itu marilah kita sama-sama menjadi orang yang taat dan bersyukur kepada Allah. Mana-mana mereka yang berharta dan mempunyai kelebihan maka teruskanlah ketaatan tuan-tuan itu dengan berzakat apabila cukup haul sementara yang belum lagi teringat maka segeralah ingat dan bertindak melaksanakan perintah Allah ini supaya selamat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Sesungguhnya

Allah sangat murka kepada orang-orang yang kikir dan bakhil sebagaimana Firman-Nya dalam Surah Ali Emran ayat 180 yang tafsirnya lebih kurang:

"Janganlah orang-orang yang kikir dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepadanya mengira bahawa kekikiran itu baik untuk mereka. Tidak! Melainkan mencelakakan mereka. Nanti harta yang mereka bakhilkan itu akan digantung di leher mereka pada Hari Kiamat."

HARI Jumaat adalah penghulu segala hari di mana Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam mengistime-wakan hari tersebut dengan beberapa Ibadat yang Baginda tidak lak-sanakan di hari-hari lain. Baginda muliakan hari tersebut dan memandangnya sebagai suatu hari besar yang semestinya dihormati oleh seluruh umat Islam menurut tuntutan syarak.

Salah satu Ibadat yang dituntut untuk kita melakukannya pada hari Jumaat ialah Sembahyang Jumaat. Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 9 yang bermaksud kira-kira: "Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Apabila telah diseru kepada kamu sembahyang di hari Jumaat,

maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli. Itu adalah lebih baik bagimu, jika kamu mengetahuinya."

Bercakap mengenai Sembahyang Jumaat ini, Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam menyuruh kita supaya bersegera pergi ke masjid, di mana kita akan mendapat ganjaran pahala yang banyak, jika kita datang ke masjid di awal-awal waktu.

Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim kira-kira bermaksud: "Barangsiapa pergi ke masjid di saat-saat pertama maka seolah-olah ia telah mengorbankan seekor

unta, dan barangsiapa pergi ke masjid di saat kedua, maka seolah-olah ia telah mengorbankan seekor lembu, dan barangsiapa pergi ke masjid di saat ketiga, maka seolah-olah ia telah mengorbankan seekor biri-biri yang bertanduk dan barangsiapa pergi ke masjid di saat keempat maka seolah-olah dia telah menghadihkan seekor ayam, dan barangsiapa pergi ke masjid di saat kelima, maka seolah-olah ia menghadihkan sebihi telur. Kemudian apabila Imam masuk, maka ditutuplah buku catatan, diletakkan pena; dan berkumpul para Malaikat di sisi mimbar mendengarkan Khutbah. Barangsiapa datang sesudah itu, maka hanya ia datang untuk hak sem-

bahyang sahaja, ia tidak beroleh hak keutamaan apa-apa lagi."

Menurut Imam Ghazali, saat pertama ialah dari habis waktu subuh hingga terbit matahari, saat kedua; dari terbit matahari hingga tinggi matahari, saat ketiga dari waktu dhuha sehingga terasa panas kaki jika berjalan tanpa kasut dan saat keempat dan kelima ialah dari terasa panas kaki hingga tergelincir matahari.

Dari apa yang dijelaskan ternyata tentang kewajipan menunaikan Sembahyang Jumaat itu dan betapa perlunya kita menyegerakan pergi ke masjid untuk tujuan tersebut. Mudah-

mudahan kita akan memperolehi fadilat-fadilat sebagaimana yang disebutkan itu dan menjadikan kita sebagai orang yang taat dan takwa.

Menuju keredaan Allah

Keputusan Peraduan Hadrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Hadrah dan Mendeklimasikan Sajak peringkat senegeri telah berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 16 Julai lepas. Pertandingan yang dianjurkan oleh BAHTRAM itu telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Muhammad bin Haji Serudin.

Pertandingan tersebut adalah merupakan salah satu acara sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun.

Antara aturcara majlis ialah ucapan alu-aluan dari pengerusi pertandingan, Pengiran Mohammad bin Pengiran Sarpudin dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh Awang Haji Muhammad bin Haji Serudin selaku Pengerusi Tertinggi Hari Keputeraan.

Dayangku Normah binte Pengiran Tuah muncul sebagai johan dalam pertandingan mendeklimasikan sa-

jak setelah berjaya menewaskan 16 peserta lain dengan mata kemenangan 260%. Manakala naib johan jatuh kepada Awang Amin bin Mohd. Yassin mendapat 257% dan tempat ketiga ialah Awang Mahali bin Abd. Rahman mendapat 252%.

Seramai enam pasukan turut bertanding dalam Pertandingan Hadrah. Muncul sebagai johan dan pukulan terbaik telah disandang oleh pasukan Kampong Mentiri dengan mata kemenangan 90% sementara naib johan dan pakaian terbaik jatuh kepada pasukan Kelas zikir dan hadrah Kampong Sungai Pandan mendapat 87½% dan tempat ketiga ialah pasukan Gema Kampong Pekan Lama mendapat 83½%.

Hadih-hadih kemenangan dan sagu hati telah disampaikan oleh Awang Haji Muhammad bin Haji Serudin. Turut menyerikan lagi majlis pada pagi itu ialah dua buah lagu nasyid yang dipersembahkan oleh kumpulan nasid Nurul Huda yang diketuai oleh Muhamad Daud bin Abd. Kadir.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25 Julai, 1984 hingga ke hari Selasa 31 Julai, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATA- HARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
25	12.32	3.49	3.50	6.41	6.42	7.52	7.53	4.56	4.42	4.57	6.14	6.15
26-31	12.32	3.48	3.49	6.41	6.42	7.52	7.53	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, ketika menyaksikan persembahan kebudayaan dari puak-puak Daerah Tutong.

KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT KE DAERAH TUTONG

TUTONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan berangkat bercema' Duli Ke Istiadat Tabik Hormat dan Mengadap Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong pada minggu lepas.

Juga berangkat ke Istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda

Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta lain-lain ahli kerabat Diraja.

Sejurus selepas keberangkatan tiba Baginda ke Istiadat tersebut Baginda telah menerima Tabik Hormat Diraja dan diselangi dengan tembakan meriam sebanyak lapan das. Kemudian Baginda dijunjung memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari lebih 98 orang anggota Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Dalam Istiadat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah

berkenan melafazkan titah. Terdahulu dari itu Pemangku Pegawai Daerah Tutong Awang Abd. Aziz bin Mohamad telah menyembahkan ucapan alu-aluan selaku wakil Pegawai-pegawai Kerajaan dan Penduduk-penduduk Daerah Tutong.

Majlis pada pagi itu diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Kadi Daerah Tutong, Awang Haji Zaini bin Haji Talib.

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berserta dengan lain-lain kerabat Diraja berangkat ke Padang Sekolah Melayu Muda Hashim bagi menyaksikan persembahan-persembahan kebudayaan dari puak-puak Tutong, Kedayan, Dusun dan Iban. Di antara persembahan-persembahan yang mereka sembahkan ialah Tarian Ronggeng, Seni Silat, Ancayau dan Ngajut.

Sejurus sebelum berangkat pulang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan serta Kerabat-kerabat Diraja berkenan menerima junjung ziarah dari rakyat dan penduduk di daerah tersebut.

TUTONG. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan, sentiasa memberikan berbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk di setiap daerah negara ini.

Daerah Tutong, seperti juga halnya dengan daerah-daerah lain, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak kendur-kendur mengungkapkannya berbagai usaha dan projek yang keseluruhannya bertujuan semata-mata memberikan kesenangan rakyat dan penduduk.

Demikian telah disebarkan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad di Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-38 tahun, di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada hari Selasa lepas.

KEMAJUAN PROJEK

Antara projek yang terlaksana sembah Awang Abdul Aziz ialah pembinaan lebuh raya Jerudong-Tutong yang dijangka siap pada pertengahan tahun depan. Manakala dalam perhubungan luar bandar, pemasangan radio, telefon ke kawasan-kawasan pedalaman daerah itu telah pun selesai pada akhir tahun lepas dan awal tahun ini.

Awang Abdul Aziz selanjutnya menyebarkan bahawa sebuah bangunan Pejabat Perkhidmatan Pos yang menelan belanja kira-kira \$600,000.00 kini sedang dalam pembinaan dan akan siap tidak berapa lama lagi.

Lain-lain projek sembah Pemangku Pegawai Daerah ialah pembinaan beberapa buah Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah, Perumahan Guru-guru, serta di bidang keagamaan pula beberapa buah masjid dan surau telah pun siap pembinaannya dan dapat digunakan.

Beberapa buah projek lain juga kini rancak dijalankan seperti memperluaskan perkhidmatan bekalan air ke Bandar Seri Begawan, Muara, dan Tutong. Projek ini bernilai \$130 juta termasuk membina Empangan-sekali di Benutan. Projek perbekalan Letrik dan Perkhidmatan Perubatan juga mendapat perhatian bagi kepentingan rakyat.

BERSYUKUR

Seterusnya Pemangku Pegawai Daerah Tutong menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan rasa syukur di atas kurnia pengurniaan tanah bagi rakyat jati negara ini yang tidak mempunyai tanah untuk membolehkan membina rumah sendiri, yang mana skim ini dikaitkan dengan satu tabung bantuan pembinaan rumah.

Dalam pada itu selaku mewakili bagi pihak kakitangan kerajaan, Awang Abdul Aziz juga menyebarkan rasa kesyukuran dan menjunjung kasih di atas pengurniaan kenaikan gaji pegawai dan kakitangan bermula secara kebelakangan

mulai 1 Januari 1984. Beliau seterusnya menyebarkan ikrar rakyat dan penduduk daerah tersebut untuk sentiasa melipatgandakan usaha ke arah mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan amanah.

Awal dari itu Pemangku Pegawai Daerah Tutong dalam sembah alu-aluannya juga telah menyebarkan taat setia yang tidak berbelah



ISTIADAT Mengadap dan Menjunjung Duli di Daerah Tutong itu telah di-mulakan dengan sembah ucapan alu-aluan dari Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad, di mana beliau telah menyentuh berbagai projek perkembangan yang dicapai oleh Daerah tersebut (atas).

Setelah sempurna Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan lain-lain ahli Kerabat Diraja telah dijunjung berangkat ke Padang Sekolah Melayu Muda Hashim untuk menyaksikan berbagai persembahan kebudayaan. Gambar atas kiri kelihatan puak Dusun di daerah itu ketika mempersembahkan tarian yang diberi nama Ancayau.

Murid-murid sekolah juga tidak ketinggalan untuk mengambil bahagian dalam perayaan di daerah tersebut. Gambar kiri kelihatan murid-murid dari beberapa buah sekolah di sekitar Pekan tersebut berbaris di sepanjang jalan raya sambil mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam untuk mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

ISTIADAT MENGADAP DI TEMBURONG

PEKAN BANGAR. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 tahun bagi Daerah Temburong di Dewan Kemasyarakatan di sini pada pagi Khamis 19 Julai lepas.

Keberangkatan tiba Baginda telah dijunjung oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan seterusnya menerima tabik hormat dari anggota Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei diikuti dengan beberapa das tembakan meriam.

Setelah itu Baginda dijun-

jung oleh pemerintah perbarisan kehormatan, Major Jamil bin Pehin Orang Kaya Seri Rama Dato Seri Laila Jasa Haji Mohammad bagi memeriksa perbarisan diiringi oleh permainan muzik oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Istiadat pagi itu telah dimulakan dengan sembah ucapan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit selaku wakil pegawai-pegawai Kerajaan serta penduduk-penduduk Daerah Temburong.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan melafazkan titah di Istiadat tersebut.

Berangkat sama ke Istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Hadir sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Pengiran Ceteria; Menteri-Menteri; Setiausaha Setiausaha Tetap

Kementerian dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Doa selamat di Istiadat itu telah dibacakan oleh Kadi Daerah Temburong, Pengiran Jaberuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Terdahulu dari ini, keberangkatan Baginda telah dialu-alukan di sepanjang jalan menuju ke Dewan Kemasyarakatan oleh perbarisan murid-murid sekolah yang mengibarkan bendera-bendera negara.

Setelah sempurna Istiadat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bagi merasmikan Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat untuk Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Penduduk Daerah Temburong nikmati berbagai kemudahan

PEKAN BANGAR. — Sepanjang tahun 1984 ini rakyat dan penduduk Daerah Temburong telah dapat menikmati berbagai bentuk perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

MENINGKAT

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit ketika menyampaikan ucapan kesyukuran di Istiadat

Mengadap sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 di Dewan Kemasyarakatan di sini pada pagi Khamis 19 Julai lepas seterusnya menjelaskan, walaupun daerah itu sebahagian besar perhubungannya melalui sungai tetapi perkembangan di segi perhubungan menggunakan kenderaan darat telah meningkat dari masa ke semasa.

BERTAMBAH

Menurutnya, dengan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Baginda dalam bentuk Skim Pinjaman untuk membeli kenderaan bagi mereka yang layak mendapat pinjaman sedemikian maka bilangan kenderaan kian bertambah dan begitu juga kenderaan lain yang dimiliki oleh orang-orang persendirian.

"Ke arah ini matlamat Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik dalam menyediakan jalan-jalan raya bagi menghubungkan kawasan-kawasan kampung pedalaman dan memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti perekonomian telah menepati objektifnya," sembah beliau.

BERKEMBANG

Apabila rancangan bagi pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara jiran dapat terlaksana, sembah Pemangku Pegawai Daerah, mudah-mudahan daerah itu akan terus bertambah diminati dan berkembang.

PEMBINAAN

Beliau seterusnya menyemahkan, di bidang pelajaran, Kerajaan Baginda melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sedang membina bangunan sekolah menengah yang dijangka siap pada awal tahun depan.

Di samping itu Daerah Temburong juga akan mempunyai sebuah rumah sakit yang baru bagi menggantikan rumah sakit yang ada sekarang. Ianya sedang ran-

cak diusahakan dan dijangka siap tidak beberapa lama lagi.

Bagi menampung keperluan tenaga letrik yang ada sekarang Kerajaan Baginda melalui Kementerian Pembangunan telah membina sebuah stesen di Kampong Belingus dan akan berkeupayaan menampung bekalan letrik di seluruh daerah itu.

PENYELIDIKAN

Dalam jangka panjang, beliau menjelaskan, pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya sedang menjalankan penyelidikan bagi mengatasi kekurangan bekalan air terutamanya di kampung-kampung pedalaman.

PEJABAT BARU

Di samping itu, Kerajaan Baginda juga telah meluluskan peruntukan bagi membiayai pembinaan pejabat baru yang dijangka boleh menampung 23 buah pejabat-pejabat Kerajaan selain peruntukan bagi pembinaan rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai dan kakitangan berbagai jabatan yang berkenaan. Di antaranya ialah pembinaan 30 unit rumah pangsa kelas 'E' bagi guru-guru.

Selain itu sebuah Pejabat Hal Ehwal Ugama yang baru yang menelan belanja \$1.14 juta telah siap pembinaannya dan mula digunakan pada 2 April lepas.

MENJUNJUNG KASIH

Di istiadat itu, Pemangku Pegawai Daerah juga menyemahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas berbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Baginda termasuk pengurusan tanah dan skim pinjaman wang untuk membina rumah di atas tanah itu kepada rakyat jati Baginda.

Beliau juga mengambil kesempatan bagi pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda di daerah itu menyemahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan kesyukuran ke hadapan majlis Baginda di atas pengurniaan kenaikan

gaji bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda secara kebelakangan mulai 1 Januari 1984.

IKRAR

Seterusnya beliau juga bagi pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda di Daerah Temburong menyemahkan ikrar akan terus berusaha serta berganding bahu mengukuhkan rancangan-rancangan yang berkebaikan semata-mata untuk kebajikan rakyat dan penduduk di daerah itu.

RASA BANGGA

Awang Othman selanjutnya menyemahkan rasa bangga dan setinggi-tinggi menjunjung kasih rakyat dan penduduk Daerah Temburong kerana kebijaksanaan Baginda menempatkan Negara Brunei Darussalam di kalangan masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

KEBERANGKATAN

"Ini adalah terbukti dengan keberangkatan dan kehadiran sebilangan besar ketua-ketua negara; wakil-wakil ketua negara; ketua-ketua kerajaan; wakil-wakil ketua kerajaan serta pembesar-pembesar dari luar negeri semasa menyambut Perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1984," sembah Pemangku Pegawai Daerah seterusnya.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit menyemahkan ucapan kesyukuran.

Bangunan JHEU Temburong dibuka rasmi

BANGAR. — Bersempena dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke Daerah Temburong sempena Hari Puja Usia Baginda ke-38 tahun Baginda juga berkenan berangkat merasmikan bangunan baru Jabatan Hal Ehwal Ugama bagi daerah tersebut.

Sebaik-baik saja Baginda

mengisytiharkan Pembukaan rasmi Pejabat Hal Ehwal Ugama Temburong diikuti dengan seruan takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali dengan diketuai oleh Imam Masjid Utama Mohd. Salleh Daerah Temburong Selepas itu Baginda dijunjung oleh

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama bagi melawat ke beberapa bahagian di Pejabat itu.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Temburong mula dibina pada bulan September 1981 di atas sebidang tanah seluas setengah ekar dengan menelan belanja lebih setengah juta ringgit dan telah digunakan pada bulan April tahun ini.

Sebelum mempunyai bangunan kekal, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong ditempatkan di bangunan Pejabat Daerah dan bangunan sementara bersama dengan Pejabat Pelajaran, Perhutanan dan Letrik.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta kerabat-kerabat Diraja yang lain. Doa selamat dibacakan oleh Kadi Daerah Temburong, Pengiran Haji Jaberuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh.

SEKITAR SAMBUTAN PER KEBAWAH DYMM KE-38

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai aturcara yang sibuk sepanjang minggu lalu. Dari sejak 15 Julai, iaitu Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 tahun hinggalah pada hari Ahad 22 Julai, Baginda telah menghadiri beberapa acara rasmi sempena puja usia Baginda itu.

Pada malam Selasa 16 Julai, Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan juga lain-lain kerabat Diraja telah berangkat menyaksikan Perarakan Tanglung, Kereta dan Basikal Berhias serta Pakaian Beragam yang diadakan di ibu negara.

Pada hari Selasa 17 Julai, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ke Daerah Tutong untuk Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli di mana Baginda telah melafazkan titah dan mendengar sembah ucapan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, mengenai perkembangan yang dicapai oleh daerah tersebut.

Pada sebelah malamnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri

Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Persantapan bagi Pegawai-pegawai Keselamatan dan Pegawai-pegawai yang beruniform serta Pertubuhan Awam yang beruniform di Istana Nurul Iman. Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara kepada beberapa orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pada hari Khamis, 19 Julai Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Daerah Temburong untuk Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli. Selepas Istiadat tersebut Baginda juga telah berkenan merasmikan Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong.

Daerah Belait adalah merupakan daerah yang terakhir menerima sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Perayaan di daerah itu bermula pada hari Ahad 22 Julai, dengan Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli yang telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain kerabat Diraja telah berkenan berangkat ke Istiadat tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berangkat ke Majlis Persantapan bagi Pegawai-pegawai Keselamatan dan Pegawai-pegawai Yang Beruniform serta Pertubuhan Awam yang beruniform di Istana Nurul Iman (atas). Gambar bawah kelihatan salah seorang pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei junjung ziarah di akhir majlis tersebut.



DI MAJLIS Persantapan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan gambar atas kelihatan Baginda mengurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. kepada Mejar Md. Jair bin Haji Abd. Wahab.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menyaksikan perarakan tanglung, kereta dan basikal berhias serta pakaian beragam dari atas Pentas Diraja di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada malam Selasa 16 Julai (atas) sementara gambar bawah kelihatan enam orang membawa bendera negara-negara ASEAN yang menjadi kepala perarakan tanglung Pasukan Bomba Brunei.



AAN PUJA USIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia melafazkan titah di Istiadat Mengadap Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada hari Selasa 17 Julai yang lalu (kiri). Gambar atas kelihatan Baginda membalas tabik hormat dari pasukan kawalan sejurus sebelum Istiadat Mengadap, sementara gambar bawah kelihatan rakyat dan penduduk Daerah Tutong junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejurus sebelum Baginda berangkat pulang,



lain-lain daerah, perayaan di Daerah Temburong juga dimulakan dengan Upacara Perbarisan Kawalan Kehormatan. Gambar atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk memeriksa perbarisan sejurus sebelum Istiadat Mengadap (bawah kanan). Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan diiringi oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang berangkat meninggalkan Dewan Kemasyarakatan selepas Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli. Gambar bawah pula kelihatan Duli Yang Maha Mulia merasmikan bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong.



"Faith"
...meluru mendapatkan Maggie di
Tuscany Valley Hospital kerana di-
khabarkan telah terjatuh di tangga.
AZAN ISYAK
FALCON CREST — sambungan
WARTA BERITA
LIPUTAN NASIONAL
OYLYPIC GALA
SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 31 JULAI

NG

PEMBUKAAN
AL-QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
TV FUNNIES: "Archie"
DOKUMENTARI:
World of Survival
BUGS BUNNY SHOW
BERITA AWAL

nampak perkataan-perkataan yang
bermula dengan huruf 'q'. Rancang-
an diakhiri dengan sebuah cerita meng-
enai Tiga Orang Pemuda Adik
Beradik.

SELASA — 31 JULAI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN
HIDUPAN DI BRUNEI (Udara 2)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK,
LISTEN AND SPEAK
(Birds and Animals in Brunei)

RABU — 1 OGOS

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN
HIDUPAN DI BRUNEI (Udara 2)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK,
LISTEN AND SPEAK
(Birds and Animals in Brunei)

RTB

Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

TETAMU RADIO

SEBAGAI sebuah perkhidmatan yang berfungsi dua hala, iaitu peredaran antara radio itu sendiri dengan pendengarnya, maka dengan sendirinyalah peranan seorang penerbit selaku lidah penghubung itu sudah dimulakan, khususnya dalam rancangan-rancangan yang diterbitkan dengan penyertaan mereka yang dikira luar dari perkhidmatan radio itu sendiri.

Dalam hal ini, suara radio itu bukanlah hanya dimonopoli oleh petugas-petugas radio malahan radio juga membukakan peluang kepada pendengarnya untuk menyertai rancangan-rancangan yang tertentu. Melalui rancangan Tetamu Radio, pendengar akan dapat mengikuti temubual-temubual penerbit ataupun wakil radio yang lain dengan tetamu-tetamu yang diundang khas untuk memenuhi rancangan ini. Setiap seseorang itu ada dengan keistimewaannya yang tersendiri. Begitulah juga halnya dengan tetamu yang diundang untuk mengisi rancangan ini. Biasanya mereka itu memiliki bakat dalam bidang

seni ataupun kebolehan yang menonjol di bidang-bidang yang lain.

Rahsia atau Petua

Di sebabkan keistimewaan itulah, radio memberi penghormatan menjemput mereka untuk ditemubual yang berkisar mengenai kerjaya ataupun bakat-bakat tertentu yang mereka miliki. Tujuan utama radio mengendalikan rancangan seumpama ini ialah untuk mendapat tahu serba sedikit rahsia atau petua seseorang itu hingga mendapat kejayaan dalam apa-apa bidang tertentu yang mereka ceburi. Sekaligus melalui temubual itu, pihak radio akan dapat menyalurkan contoh ataupun pengajaran untuk yang berminat. Di sinilah radio dapat memainkan peranannya untuk menyediakan garis pandu pada mana-mana pihak yang berkenaan.

Tetamu-tetamu yang biasanya terdiri dari penyanyi, pelakon, bintang bola sepak dan lain-lain pemegang kebolehan profesional adalah di antara mereka yang mengisi

rancangan ini. Biasanya pada setiap penutup temubual itu, tetamu yang diundang akan diminta untuk memberikan kata-kata yang berupa nasihat, agar dengan jalan itu amalan atau cara pemikiran tetamu yang dianggap istimewa itu akan menjadi contoh teladan yang berguna untuk semua.

Seperti juga luasnya ruang-lingkup penyiaran radio, maka sedaya upaya rancangan ini juga cuba untuk menambahkan lagi keluasan pemandangannya dengan cara mengambil setiap kesempatan yang ada untuk membuat temubual tanpa mengira dari tetamu tempatan ataupun tetamu luar negeri yang datang secara kunjungan ke negara ini.



GAVIN McLeod, kapten kapal dalam rancangan LOVE BOAT bersama isteri sebenarnya Patti McLeod ketika mengambil bahagian dalam salah satu episod siri ini.

PERTANDINGAN BINTANG ASLIRAMA 1984

SEKALI lagi kita berpeluang untuk sama-sama mengikuti dan menyaksikan satu lagi adu bakat dalam bidang nyanyian yang dianjurkan oleh Ra-

dio Televisyen Brunei. Seperti tiga pertandingan lain yang kita adakan sepanjang tahun ini, Pertandingan Bintang Aslirama 1984 bertujuan mencong-

kel bakat penyanyi-penyanyi tanahair, dengan hasrat agar kita akan dapat mengetengahkan Biduan dan Biduanita yang bermutu. Di kalangan bakat-bakat inilah nanti akan terpilih Biduan dan Biduanita yang bakal mengisi rancangan-rancangan Radio dan Televisyen.

Pertandingan ini mengutamakan peserta-peserta membawakan sebuah lagu ASLI sahaja. Pertandingan ini terbuka kepada penyanyi-penyanyi serta peminat-peminat seni suara yang berumur 25 tahun ke atas. Borang penyertaan bolehlah didapati dari:—

BRUNEI-MUARA :
Bahagian Penyambut Tetamu,
Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan.

KUALA BELAIT :
Awang Mohd. Noor Yassin,
Radio Televisyen Brunei,
Cawangan Kuala Belait.

TUTONG :
Awang Haji Ahim bin Ibrahim,
Jabatan Penerangan,
Tutong.

TEMBURONG :
Pengawas Bilik Bacaan,
Temburong.

Borang penyertaan hendaklah dikembalikan kepada:—

Penerbit,
Bintang Aslirama 1984,
Tingkat 3,
Bahagian Hiburan TV,
Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan.

Tarikh mengembalikan borang selewat-lewatnya pada:—

31 Julai, 1984 jam 4.00 petang.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan menampilkan pendengar kita dari Sarawak. Pendengar yang telah berkesempatan diundang ke studio ialah Dk Norazizi bte Pengiran Zainuddin, di alamat No. 20, Jalan Abd Rahman, Bahagian Ke-6, Sarekei, Sarawak.

Dk. Norazizi akan bersama awda semua pada hari Selasa 31 Julai jam 4.00 petang.

Sandiwara radio:

“APANYA YANG HILANG”

PENULIS Fatimah H. S. Brunei mengemukakan tentang masalah yang dialami oleh Mak Piah, seorang peniaga yang sering saja mengalami kecurian, yang akan dapat diikuti melalui siaran

Sandiwara Radio Minggu Ini dengan cerita yang berjudul “APANYA YANG HILANG.”

Akibat dari kecurian yang dialaminya itu, Mak Piah nyaris-nyaris menutup kedainya. Tapi kerana

semangat dan dorongan yang diberikan oleh Husna anaknya dan Amir teman anaknya itu, perniagaan Mak Piah berte-rusan lagi seperti biasa.

Amir, yang selalu membantu Husna dalam meng-

uruskan perniagaan ibunya, dengan sendirinya jarang-jarang berada di rumah. Tabiatnya inilah yang merungsingkan ibunya kerana itu ia mengambil keputusan untuk mengahwinkan Amir dengan alasan agar Amir tidak lagi bersikap suka keluar rumah.

Apabila ibu Amir memberitahunya tentang cadangannya itu, Amir tiba-tiba melaporkan kepada ibunya yang ia juga mengalami kecurian. Kenyataannya itu sangat menghairankan ibunya kerana setelah diselidiki, Amir ternyata tidak kehilangan barang-barang kepunyaannya.

Apakah sebenarnya yang hilang yang dimaksudkan oleh Amir itu? Sandiwara “APANYA YANG HILANG” akan membawa para pendengar untuk mengikuti kisah selanjutnya yang akan dikeudarkan pada 29 Julai, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.



DI MAJLIS Persantapan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan gambar atas kelihatan Baginda mengurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. kepada Mejar Md. Jair bin Haji Abd. Wahab.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 25 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TWINKLE TWINKLE LITTLE STAR
4.55 INSPECTOR GADGET
5.20 MR. SMITH: "Mr. Smith Makes A Comeback"
5.45 WILD KINGDOM: "Challenge To Survival"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD KINGDOM — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL: "Passages"
Dengan kekayaannya Brooke Whitfield memang mengetahui cara mendapatkan sesuatu yang dikehendakinya. Peter McDermott merasa cemburu setelah menyangka Christine selalu menjumpai Mark Danning.
7.53 AZAN ISYAK
7.56 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 KEEP IT IN THE FAMILY: "Room For One On Top"
9.35 GAVILAN: "A Matter Of Geography" (Episod terakhir)
10.35 TAYANGAN GAMBAR: "The Little Ark"
Kisah dua orang kanak-kanak Belanda yang terpisah dari keluarga mengasuh mereka ketika banjir besar yang melanda Holland dalam tahun 1953. Banjir itu telah memecahkan tembok penahanan air ke rumah mereka. Pelakon-pelakon: Theodore Bikel, Philip Frame, Genevieve Ambas, dan lain-lain.
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 26 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DONKEY KONG
6.00 BERITA AWAL
6.05 MY NAME IS... "Marcus Messer-er, And I Live In A Village In West Germany"
6.30 WONDERS OF THE WORLD: "Whale Ho"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 WONDERS OF THE WORLD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CUTTER TO HOUSTON: "Pilot"
7.53 AZAN ISYAK
7.56 CUTTER TO HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAII FIVE O: "Lion In The Street" Bhg. 1
10.25 MAN ABOUT THE HOUSE
10.50 GOLF: U.S. Open
11.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 27 JULAI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN

12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 EUROPEAN FOOTBALL CHAMPIONSHIP (Final) "France Iwn Spain"
3.25 POPEYE
3.49 AZAN ASAR
3.53 WEBSTER: Kelakuan Webster membingungkan Katherine dan George sehingga rahsia-nya terbongkar bahawa dia sedang menyembunyikan seorang "pelarian" dalam biliknya.
4.45 YOU ASKED FOR IT
5.10 MAKING THE MOST OF THE MICRO
5.30 MIAMI MIATU
5.45 SHIRT TALES
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BLUE THUNDER: "Arms Race"
7.53 AZAN ISYAK
7.56 BLUE THUNDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DALLAS: "Blow Up"
Episod kali ini berkisar dengan beberapa perkahwinan. Pam mahu perkahwinannya dengan Mark secepat mungkin sementara Miss Ellie mahu perkahwinannya di Southfork secara kecil-kecilan sahaja.
10.05 MAGNUM: "I Witness" (Episod terakhir)
Tiga saksi, Higgins, T.C. dan Rick memberi keterangan-keterangan yang berlainan terhadap rompakan di Kelab Kamehameha dan ini mengelirukan siasatan Magnum dan Lt. Tanaka.
10.55 TERRY AND JUNE
11.25 GLEN CAMPBELL
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 28 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 SCOOPY AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA (Dokumentari)
6.30 "The Seal Watch"
JUST OUR LUCK: "Photo Finish"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 JUST OUR LUCK — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "Lady In Blue" (Episod terakhir)
7.53 AZAN ISYAK
7.56 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Kek Cornflakes"
Resipinya ada disiarkan di muka 10.
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDO-nesia: "Kisah Cinta Tomini dan Jeri"
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "The Last Detail"
Sedang dua orang pegawai laut veteran bertugas membawa seorang rekrut ke tambatan kapal telah bercakap-cakap terhadap liku-liku kehidupan yang telah mengasyikan pendengar mereka sehingga menyebabkan mereka mencuba untuk melepaskan diri. Dipadankan dari kisah buku tulisan Darry Ponican. Pelakon-pelakon: Jack Nicholson, Otis Young, Randy Quaid, Clifton James, dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 29 JULAI

PAGI

- 7.15 UPACARA PEMBUKAAN OLIMPIK 84 DI LOS ANGELES.
11.00 SIARAN TAMAT.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 PINK PANTHER INSPECTOR
2.45 LADIES MAN: "The Game" Bhg. 2.
3.15 DOKUMENTARI: Fragile Earth "Korup"
Satu kawasan di Barat Daya Cameroon yang dianggap salah satu kawasan yang hanya masih mempunyai beberapa jenis binatang yang menghadapi kepupusan.
3.49 AZAN ASAR
3.52 DOKUMENTARI: Fragile Earth — sambungan
4.10 LOVE BOAT
5.05 THOR
5.25 MAT YO YO
6.00 BERITA AWAL
6.05 MONCHHICHIS
6.25 BENSON
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 BENSON — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON: "Cash And Carry"
7.53 AZAN ISYAK
7.56 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 LIVING HERITAGES IN ASIA: "Dance Drama Of Thailand"
9.50 THE TWO RONNIES
10.40 WAR SERIES: "Notes On Nuclear War"
11.40 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 30 JULAI

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE BISKITTS
5.00 SUPERFRIENDS
5.30 THE POSEIDON FILE
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST: "Test Of Faith"
Chase meluru mendapatkan Maggie di Tuscany Valley Hospital kerana di khabarkan telah terjatuh di tangga.
7.53 AZAN ISYAK
7.56 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 OLYMPIC GALA
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 31 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TV FUNNIES: "Archie"
5.00 DOKUMENTARI: World of Survival
5.30 BUGS BUNNY SHOW
6.00 BERITA AWAL

6.05 NOVA: Hitler's Secret Weapon"
Filem ini memaparkan bagaimana idea penerbangan di angkasa lepas dan penyaluran perkembangannya di negeri Jerman sebelum Perang Dunia Kedua.

- 6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY
7.53 AZAN ISYAK
7.56 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIGHLIGHTS OF L.A. OLYMPIC '84.
10.35 THE YELLOW ROSE: "Divided We Fall"
11.25 TAYANGAN GAMBAR: "Because He's My Friend"
Sepasang suami isteri muda mempunyai seorang anak lelaki cacat berumur 12 tahun. Mereka cuba berpura-pura menatap kesengsaraan dan kemarahan mereka di sebalik kesayangan yang tidak diperlukan oleh anak mereka. Akhirnya mereka mengakui kenyataan sebenar bahawa anak mereka tidak normal dan bagaimana-pun kehidupan mereka tetap gembira juga. Pelakon-pelakon: Keir Dulla, Karen Black dan lain-lain.
12.15 SIARAN TAMAT.

RANCANGAN TVP

dari 30 Julai — 1 Ogos

ISNIN — 30 JULAI

PAGI

- 8.50 SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Udara 2)
Rancangan ini adalah bahagian kedua bagi rancangan mengenai udara. Dalam rancangan ini Cikgu Amdan akan menghuraikan mengenai
a) Bumi diseluputi oleh udarakasa
b) Udara mempunyai berat
c) Tekanan udara
d) Paru-paru dan pernafasan
e) Udara boleh di mampatkan.
Untuk mengetahui lebih lanjut lagi ikutilah rancangan ini.

- 9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Birds and Animals in Brunei)
Siri ini membawa murid-murid melawat ke tempat binatang dan burung, seterusnya mengajar mengenali beberapa jenis nama binatang dan burung yang terdapat di Brunei.
Di Magic Pool, Izat dan Jay Jay nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'q'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita mengenai Tiga Orang Pemuda Adik Beradik.

SELASA — 31 JULAI

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Udara 2)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Birds and Animals in Brunei)

RABU — 1 OGOS

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Udara 2)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Birds and Animals in Brunei)

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 MHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 MHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00- 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.45 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 25 JULAI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampai-an (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Dandan Setia Siri Ke-7), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 26 JULAI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Uga 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 27 JULAI

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Selingan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Sunting Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Uga (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

HARI SABTU 28 JULAI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari filem.

PETANG: 2.00 — Bintang Remaja, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Selingan,

3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Uga.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 29 JULAI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Pilihan, 11.00 — Dendang Remaja, 11.30 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat.

TENGAH HARI: 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam,

5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 30 JULAI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15

— Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah Uga (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 31 JULAI

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam. PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja. MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow.
8.30 36 Edinburgh International Festival Recital by Julian Bream: Prog. 1
9.00 Popular Classic — (Disc 2) (side 1 of 2)
9.30 Talking About Music — 266/290.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: Amadeus (side 3 & 4 of 4)
9.30 The National Youth Jazz Orchestra conducted by Bill Ashton and Paul Hart (side 1 & 2).

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Olympic Countdown — 5/5. (repeat)
11.15 Light Music From The Netherlands — 590/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 18th Cambridge Folk Festival David Bromberg Groncy — 2/8.
12.45 My Music — 311/436.

P.M.

1.15 Book Club: Puckoon
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 30/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.

2.00 Soundtrack of the Sixties (K842-12 side 2B & 3B).
4.00 Chinese Programmes.
8.00 The World of Books.
8.30 Thirty-Minute Theatre: The Battle of The Boozie by Patrick Ryan.
9.00 Perspective
9.30 A Date with ... (repeat).

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety
3.00 Gurkhali Programmes.
8.00 Hits In Germany.
8.30 Animal, Vegetable and Mineral — 29/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1027.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

12.00 A Date with
12.45 Light Instrumental
1.00 Top of The Pops — 1027 (repeat)
1.30 Weekend Greetings.
2.30 Olympic Countdown
2.45 Know Your Place: Holding The Baby by Andrew Palmer and Nell Brennan — 2/8.
3.15 Just For Variety.

P.M.

8.00 Our Views (repeat).
8.30 BBC Science Magazine.
9.00 Beautiful Music — 23/60.
9.30 Soundtrack of The Sixties (K842-13 side 1A).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: There May Be A Need For Mourning by Paavo Rintala.
8.45 The Guitar Greats: Scotty Moore (side 2 of 2).
9.30 Jim Reeves and His Music Prog. 7 (side 2 of 2)

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: Vintage Supertramp 1975-1977.

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast, Brunei In History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sdelines and Brunei In History.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursday.
4.00 Chinese down for morning transmission on Fridays and Sundays.

P.M.

9.15 News.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah diletakkan dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah diletakkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: 281 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. AD419/3401

KUMPULAN KENDERAAN SUK DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 282 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK No. AD419/0401 & AD419/1401—

KERJA-KERJA MEMBUAT PARIT BAGI BANGUNAN IBU PEJABAT PEJABAT DAERAH, PERTANIAN DAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Billing Leong + Rex Koh, 43 Britannia House, 38 Jalan Cator, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 283 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 84AR/082

PEMBESARAN JEJATAS LALUAN ORANG RAMAI YANG DICADANGKAN DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN MOHAMMED JAMALUL ALAM, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Regional Design & Management Consultants, No. 209 Tingkat 1, Lot 414, Kompleks Perdana Wazir, Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 13 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 284 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 84AB/PEL118

CADANGAN UNTUK PADANG PERMAINAN SEKOLAH RENDAH PULAI, JALAN PULAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 285 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (berdaftar sebagai Pemborong Khas dalam kerja-kerja saluran najis) untuk:

PROJEK No. 84AD/TIR007

CADANGAN KERJA-KERJA PARIT DI UNIT SIMPANAN GURKHA PERINGKAT 3 DI KAMPONG SUNGAI AKAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Ho Kwong Yew dan Anak-Anak Akitik-Akitik, 406, Bangunan Guru-Guru Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00

petang hari Khamis 9 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 13 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 286 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 84AB/PEL011

PEMBINAAN TAMBAHAN 4 BUAH BILIK-BILIK DARJAH UNTUK SEKOLAH MELAYU PIAU-PIASAU, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 287 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 84AR/015

PEMBINAAN DAN PERSIAPAN PARIT KONKRIT TETULANG, TEPIAN JALAN, LALUAN LINTAS, PARIT-PARIT DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DI BATU 24, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 288 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. AD/426/1301

CADANGAN KENDERAAN BERMOTOR, PUSAT PENYIMPANAN SENJATA DAN KOMPLEKS JURUTERA GARISON, PENANJONG-PERINGKAT 2: KOMPLEKS JURUTERA GARISON, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Booty Edward dan Rakan-Rakan, 146 Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 27 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 289 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 84AB/072

MEMBEKAL DAN MEMASANG JENDELA (GRILL) KESELAMATAN BAGI PERUMAHAN-PERUMAHAN/RUMAH-RUMAH PANGSA KERAJAAN DI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 290 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 36/10

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA LUAR DAN DALAM SEKOLAH MELAYU SINAUT, KAMPONG SINAUT DAN SEKOLAH MELAYU ORANG KAYA ALI SETIA DIRAJA KAMPONG KUPANG YANG SEDIA ADA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 291 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PEMBINAAAN-PEMBINAAN YANG ADA DI SEKOLAH RENDAH PEDALAMAN LUMAPAS, JALAN LUMAPAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 292 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" ke atas untuk:

PROJEK No. 36/10

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA LUAR DAN DALAM SEKOLAH MELAYU PENANJONG, KERIAM DAN BUKIT PENGGAL YANG SEDIA ADA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan

didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 293 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

MEMBEKAL ALAT-ALAT GANTI SUPER ROAD-MIX ASPHALT PLANT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup: 6 Ogos, 1984.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PERKHIDMATAN-

PERKHIDMATAN ELEKTRIK

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL PPL/84/1984

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEJABAT PELAJARAN BAHAGIAN JASMANI (J.K.R. 301) TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL PPL/85/1984

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BILIK PERSIDANGAN TINGKAT SATU DI JKR LAPANGAN TERBANG LAMA BERAAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL PPL/86/1984

Tajuk kerja: PEMASANGAN SEMULA KAWAT ELEKTRIK UNTUK PERUMAHAN KELAS 'G' DI PERKHEMAHAN TEMPAT TAHANAN KAMPONG PASAI SENGKURONG.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL PPL/88/1984

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BARIK KECEMASAN KERJA-KERJA AIR DI JALAN TASEK LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

PUSAT SEJARAH

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6 Ogos, 1984, bagi membekalkan ke Pejabat Pusat Sejarah, Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

SEBUAH KERETA STATION WAGON 4 W.D.

AIR CONDITIONED 6 CYLINDER — JENIS PEROL.

2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

3. Butir-butir lanjut mengenai tawaran ini bolehlah diperolehi dari Pejabat Pusat Sejarah, d/a Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu pejabat dibuka.

ROYAL BRUNEI ARMED FORCES

TENDER NOTICE

No. 21/1984
TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 30th July, 1984.

TANKER SPRINKLER TRUNK — 1 UNIT.

2. Tender specifications are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Po-

lice Headquarters, Gadong, 4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked: —

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF TANKER SPRINKLER TRUNK."

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Penyelenggara Stor Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKAT II di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : D. 2 EB. 3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 30 Ogos, 1984. (Bil iklan : 138/1984). (E/780/77).

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Ogos 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
- Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran diutop. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

Pemberitahuan Tawaran Jabatan Elektrik

BIL. PPL/92/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Menanam Kebal yang berdaftar Kelas A & B sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Ogos, 1984 bagi kerja-kerja berikut:

MENDIRIKAN TIANG-TIANG ELEKTRIK 35 KAKI DENGAN LENGKAP DI SEPANJANG LALUAN JALAN 66KV JALAN LUGU, BATU 13, JALAN TUTONG

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di perolehi dari Jabatan Perkhidmatan-khidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada 13 Ogos, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-khidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-khidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran adalah \$300.00.

BIL. PROC/T/141/84

MEMBEKAL : KELENGKAPAN TENTERA. Cagaran : \$300.00.

BIL. PROC/T/142/84

MEMBEKAL : FUEL PUMP INJECTOR. Cagaran : \$200.00.

BIL. PROC/T/143/84

MEMBEKAL : ENERGY REGULATOR. Cagaran : \$200.00.

BIL. PROC/T/144/84

MEMBEKAL : CABLE ASSEMBLY. Cagaran : \$200.00.

BIL. PROC/T/145/84

MEMBEKAL : CANVAS 20FT X 30FT. Cagaran : \$100.00.

BIL. PROC/T/146/84

MEMBEKAL : RADIO SPARE. Cagaran : \$100.00.

BIL. PROC/T/147/84

MEMBEKAL : ELECTRIC KWALI. Cagaran : \$150.00.

BIL. PROC/T/148/84

MEMBEKAL : MOTOR OUTBOARD ENGINE. Cagaran : \$100.00.

BIL. P/RC/40/84

MEMBEKAL : CALIBRATION/REPAIR OF ELECTRONIC SET EQUIPMENT (Kontrak 2 tahun). Cagaran : \$500.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan kenderaan-kenderaan bagi kepunyaan Lembaga Bandaran Kuala Belait :

Membekalkan CIF Brunei : Satu (1) buah Pick-Up dan Satu (1) buah Water Tanker.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan (specifications) bagi kenderaan-kenderaan ini bolehlah didapati dari Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Brunei, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dengan terang dinyatakan : MEMBEKALKAN KENDERAAN-KENDERAAN.

AN UNTUK PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT

dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama-nama penawar di sampul itu. Tawaran itu hendaklah dihantar tidak lewat daripada 13 Ogos, 1984 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cengkeram sebanyak \$200.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa pejabat dibuka.

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) jenis kenderaan tersebut yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut :

- Tarikh sampai
- Harga CIF Brunei
- Lama dalam jaminan
- Lain-lain hal, jika ada.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

TENDER NOTICE

Prequalification to Tender Dredging at Muara Harbour Negara Brunei Darussalam

THE GOVERNMENT of Negara Brunei Darussalam intends to invite tenders for the above dredging work at Muara Harbour.

This Project comprises the dredging of about 1.2 million cu. metres of seabed materials from various shallower areas of Muara Harbour.

Experienced dredging Contractors who wish to be considered for prequalification, are required to submit the following information:

- Experience of the firm on dredging projects, furnishing sufficient details of such projects undertaken including description, clients, periods when such works were effected and project costs.
- Capabilities with respect to :
 - * technical management and support personnel,
 - * dredging plant and equipment.
- Financial position of the firm with adequate information to be furnished including the firm's certified accounts for the past three years.

Interested dredging Contractors can collect their 'Prequalification to Tender' documents either at :

- SPECS Sdn Bhd 10 First Floor Mas Panchar Warna Complex Mile 11, Jalan Tutong Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam or, alternatively at
- SPECS Office 3rd Storey, ESD Building Maritime Square Telok Blangah Road Singapore 0409.

The closing time for the above submission is 12.00 noon on 6 August 1984.

Submissions are to be lodged at SPECS Tender Box at 3rd Storey, ESD Building, Maritime Square, Telok Blangah Road, Singapore 0409.

The Government of Negara Brunei Darussalam is not bound to accept any submission and all expenses incurred in this prequalification exercise will be borne by the Contractors themselves.

Telecommunications Department Negara Brunei Darussalam Tender Notice

TENDERS are invited for the SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A REPEATER NETWORK.

2. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12 noon on 6th August, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

THE SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A REPEATER NETWORK FOR THE TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

Bearing no indication of the name of the tenderer.

4. Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$1,000.00.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JABATAN PELAJARAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKINAN SEKOLAH-SEKOLAH/MAKTAB-MAKTAB BAGI TAHUN 1985-86

1. TAWARAN-tawaran untuk membekalkan bahan-bahan Permakinan Sekolah-Sekolah/Maktab-Maktab (Bahagian Makanan dan Minum) bagi tahun 1985-86 (bagi jangka 23 bulan) akan diterima daripada Syarikat-syarikat/Pemborong-pemborong oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Rabu 29 Ogos, 1984 jam 4.30 petang.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah bukan terdiri daripada pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan dan tidak bekerja di mana-mana syarikat seperti BSP, Cold Gas (LNG), RBA dan di firma yang lain.

4. Keterangan-keterangan lanjut serta borang-borang tawaran boleh diperolehi di Bahagian Asrama dan Rancangan Permakinan Sekolah-Sekolah, Ibu Pejabat Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan serta ditulis tanda dengan terang seperti di bawah ini :

"TAWARAN RANCANGAN PERMAKINAN SEKOLAH-SEKOLAH/MAKTAB-MAKTAB BAGI TAHUN 1985-86".

Di luar sampul surat itu mestilah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan setiap tawaran yang ditulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan dikira rosak dan ditolak.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$200.00 bagi tiap-tiap satu blok hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan wang itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya. Jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang cagarannya tidak akan dikembalikan.

7. Pemohon-pemohon mestilah yang tinggal di daerah-daerah tempat Sekolah-Sekolah/Maktab-Maktab yang berkenaan dan mereka tidak dibenarkan memohon di daerah-daerah yang lain.

8. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai syarikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisi.

9. Kerajaan tidak akan terikat kepada mana-mana tawaran atau tawaran-tawaran yang paling rendah.

10. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran :

Hari Isnin hingga hari Khamis	— 8.30 pagi — 11.30 pagi
— 2.00 petang — 3.00 petang	
Hari Sabtu	— 8.30 pagi — 10.00 pagi

Jabatan Perpindahan Kementerian Pembangunan

Bil. 6/1984

1. Nama Projek : PEMBI-NAAN 84 BUAH RUMAH BAGI PERINGKAT I RANCANGAN PERPINDAHAN /PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :—

Jabatan Perpindahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 11 Julai, 1984 hingga hari Khamis 26 Julai, 1984, jam 4.00 petang.

3. Kelayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : \$5,000.00 (Lima Ribu Ringgit Sahaja).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin 6 Ogos, 1984 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran :

a. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

b. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul

dengan nama projek berkenaan tanpa menunjukkan pengenalan pemborong, dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

d. Cagaran tawaran akan dikembalikan kepada yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

e. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong hendaklah membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam dalam kelas yang ditetapkan dan juga surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan "banker's guarantee" sebanyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

f. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

g. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

1. JURURAWAT PERCUBAAN :

Tanggungjawab :
Jururawat Percubaan : M3 — \$570-\$855 sebulan.
Jururawat Terlatih : M4 EB5 — \$930-\$1490 sebulan.
Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah mencapai umur 18 tahun. Mereka mestilah lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai sijil yang menunjukkan salah satu mata pelajarannya ialah lulus dalam Bahasa Melayu, atau sekurang-kurangnya fasih bertutur dalam Bahasa Melayu.

Syarat-syarat Lantikan :

a) Pemohon-pemohon yang terpilih akan menjalani latihan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlatih di Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Lazimnya latihan ini memakan masa selama tiga tahun empat bulan. Setelah memperoleh Sijil Jururawat Terlatih pemohon-pemohon akan layak ditetapkan sebagai Jururawat Terlatih di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

b) Pakaian seragam akan diberi percuma dan tempat tinggal akan disediakan jika perlu. Jururawat-Jururawat Percubaan akan menerima Elaun Dhoobi dan Elaun Makan.

c) Jururawat dalam percubaan mestilah bujang.

2. PENOLONG JURURAWAT :

Tanggungjawab : M2 — \$550-930 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
Pemohon-pemohon mestilah bujang dan berumur 18 tahun ke atas. Mereka mestilah lulus Tingkatan I Inggeris, atau Darjah VI Melayu. Elaun :

Pakaian seragam akan diberi percuma. Tempat tinggal akan disediakan semasa latihan. Selain dari itu elaun makan sebanyak \$72.00 sebulan dibayar semasa dalam tempoh percubaan.

Tempoh Percubaan :

Tempoh percubaan biasanya ialah selama 2 tahun 4 bulan.

3. JURURAWAT KESIHATAN RENDAH PERCUBAAN :

Tanggungjawab : M2 — \$550-930 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I dan pemohon-pemohon yang mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

b) Pemohon-pemohon mestilah bujang.

c) Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas di mana-mana Daerah dalam Negara Brunei Darussalam.

Umur :
Di antara 18 dan 35 tahun.

Calon-calon yang berjaya adalah dikehendaki berkhidmat dalam Percubaan selama dua tahun dan hendaklah menjalani kursus latihan praktikal di Pusat Kesihatan dalam Negara Brunei Darussalam.

4. PEMBANTU RUMAH SAKIT :

Tanggungjawab :
Pembantu Rumah Sakit : M3 — \$570-\$855 sebulan.
Pembantu Rumah Sakit Terlatih : M4-5 EB6 — \$930-\$1850 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
Pemohon-pemohon mestilah sudah berumur 18 tahun. Mereka mestilah lulus sekurang-kurangnya Peperiksaan Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengannya.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menjalani latihan untuk menjadi Pembantu Rumah Sakit Terlatih (dengan mendapat Sijil Jururawat Terlatih) di Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Biasanya kursus ini akan memakan masa 3 tahun 4 bulan. Setelah tamat latihan sebagai Pembantu Rumah Sakit dan sesudah memperoleh Sijil Jururawat Terlatih, pemohon-pemohon akan layak ditetapkan sebagai Pembantu Rumah Sakit Terlatih.

Pakaian seragam adalah percuma dan tempat tinggal akan disediakan jika perlu. Pembantu-Pembantu Rumah Sakit Percubaan akan diberi elaun dhoobi dan elaun makan semasa dalam latihan.

5. PEMBANTU JURURAWAT LELAKI :

Tanggungjawab : M2 — \$550-930 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pelajaran yang lebih tinggi.

Umur :

18 tahun ke atas dan mestilah bujang.

Calon-calon mestilah bersedia menjalankan latihan selama 2 tahun 4 bulan bagi Pembantu Jururawat di Sekolah Kejuruteraan, Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Bandar Seri Begawan. Elaun :

Pakaian seragam akan diberi dengan percuma.

Tempat Tinggal :

Calon-calon tidaklah dipaksa tinggal di rumah-rumah kediaman yang disediakan semasa dalam latihan.

6. BIDAN PELAJAR :

Tanggungjawab :

Bidan Pelajar : M1 — \$500-\$685 sebulan.

Bidan Terlatih : M2 — \$550-\$930 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.

b) Mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang bersedia untuk kembali ke kampung masing-masing untuk berkhidmat sebagai Bidan setelah memperoleh kelayakan.

Latihan :

Calon-calon yang berjaya akan menjalani latihan selama 2 tahun di Sekolah Perbidanan, Rumah Sak't Raja Isteri Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Setelah menamatkan latihan selama 6 bulan, Bidan-Bidan Pelajar yang tidak mencapai darjah yang memuaskan dalam menjalani latihan ini mungkin diberhentikan daripada jawatan mereka.

Mereka adalah dikehendaki lulus peperiksaan di akhir kursus latihan tersebut.

Tempat tinggal akan disediakan semasa menjalani latihan.

Elaun :

Bidan Pelajar yang dilantik di bawah peraturan ini akan berhak mendapat pakaian seragam dan elaun dhoobi.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan

Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-mohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruh-anjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruh-anjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 8 September, 1984.

(Bil iklan : 122/1984)

(E/669/65/6).

SEBAGAI PENJAGA KUBAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untuk dilantik sebagai **PENJAGA KUBAH MAKAM DIRAJA** di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : D.1-2 EB. 3 — \$425-\$900 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
- Hendaklah tahu membaca Al-Quran.
- Hendaklah tahu bertahlil dan bacaan doa.
- Hendaklah tahu menyempurnakan mayat.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-mohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruh-anjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruh-anjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup : 31 Ogos, 1984. (Bil iklan : 131/1984) (E/25/74).

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Ogos, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL. P/RC/16/84

MEMBEKAL : WOODS (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/17/84

MEMBEKAL : PHOTOGRAPHIC (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/18/84

MEMBEKAL : SUNICO OIL REFRIGERATION (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$200.00.

BIL. P/RC/19/84

MEMBEKAL : FREON GAS (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$200.00.

BIL. P/RC/20/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN 'LAUNDRY' UNTUK BERAKAS GARISON (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/21/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN 'LAUNDRY' UNTUK PERKHEMAHAN MUARA (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/22/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN 'LAUNDRY' UNTUK PERKHEMAHAN BANGAR (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. PR/C/23/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN 'LAUNDRY' UNTUK PERKHEMAHAN BOLKIAH (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/24/84

MEMBEKAL : TILAM DAN BANTAL (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/25/84

MEMBEKAL : BOOTS JUNGLE (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/26/84

MEMBEKAL : BOOTS DMS (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/27/84

MEMBEKAL : KASUT DMS (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/28/84

MEMBEKAL : KASUT HIGHLAND (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. PRC/29/84

MEMBEKAL : CAT (Kontrak 2 tahun).
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/30/84

MEMBEKAL : CHESTER-TON INDUSTRIAL AND SPECIALIST MARINE PRODUCTS (Kontrak 2 tahun).
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/31/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN MEMBAIKI ALAT-ALAT PERKAKAS TENTERA (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/32/84

MEMBEKAL : ALAT GANTI PEMADAM

API (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/33/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN MAKMAL PERKHEMAHAN BOLKIAH (Kontrak 2 tahun).
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/34/84

MEMBEKAL : PERALATAN MENYELAM (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/35/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN ALAT PERABOT (Kontrak 2 tahun).
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/36/84

MEMBEKAL : BOOT HOC-

KEY (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/37/84

MEMBEKAL : ACCOMMODATION GLASS (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/38/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN 'DERATTING/ DISINTESTATION OF ON/OFFSHORE INSTALLATION AT MUARA BASE.
Cagaran : \$300.00.

BIL. P/RC/39/84

MEMBEKAL : PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN WORD PROCESSORS (Kontrak 2 tahun)
Cagaran : \$300.00.

Marine Dept., Negara Brunei Darussalam Tender Notice No. 6 of 1984

MARINE INSURANCE FOR THE MARINE DEPT. SUCTION HOPPER DREDGER "BELANGKAS"

TENDERS will be received from suitably qualified marine insurance brokers by the Chairman, Tenders Board at the office of the Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 3rd September 1984 for marine insurance for the Marine Department Suction Hopper Dredger "Belangkas".

2. Tenders must be placed in a plain sealed envelope with no indication on the cover of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "Tender for Marine Insurance for the Marine Department Suction Hopper Dredger Belangkas" and addressed to the Chairman, Tenders Board at the address shown above.

3. Details of Vessel and Insurance Cover Required.

3.1 Vessel

3.1.1 Twin Screw Trailing Suction Hopper Dredger "Belangkas". Built 1972. Gross Tonnage 616.03. Light Displacement 605 Tons. Length 146.50 Feet. Speed 10 Knots. Classed Lloyds + 100 A1. Lloyds Register Number 7117230.

3.1.2 Vessel operates as a harbour dredger in Muara Port, Negara Brunei Darussalam with freedom to navigate within 30 miles of the coasts of Brunei, Sabah and Sarawak, including occasional voyages to Singapore, subject to the approval of the Classification Society.

3.2 Insurance Cover Required.

3.2.1 Assured : Government of Negara Brunei Darussalam.

3.2.2 Period of Insurance : Twelve Months

3.2.3 Interest : Hull and Machinery etc valued at Brunei \$4,000,000.

3.2.4 Sum Insured : 50% (Balance retained by the Assured).

3.2.5 Conditions : Institute Time Clauses.

4/4 The Running Down Clause.

Protection and Indemnity as per Institute Port Risks Clauses.

Pollution Exclusion Clause.

Deductible, Brunei \$5,000.

Excluding Crew and Cargo.

4. Any further details of the vessel or the insurance cover required may be obtained from the office of the Director of Marine, H.H. Customs Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menyerahkan Surat Perlantikan kepada Tuan Hakim Miles Henry Jackson — Lipkin.

Pesuruhjaya Mahkamah Tinggi angkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan lantikan Tuan Hakim Miles Henry Jackson — Lipkin selaku Pesuruhjaya Mahkamah Tinggi bagi tempoh selama tiga tahun.

Tuan Hakim M.H. Jackson — Lipkin telah mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam satu istiadat yang telah berlangsung di Istana Nurul Iman pada petang Isnin yang baru lalu.

Beliau dan isterinya telah tiba ke negara ini dari Hong Kong pada Ahad lepas.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkih serta lain-lain kerabat Diraja.

Hadir sama di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Kehakiman.

Pembetulan

ADALAH dimaklumkan kepada pemohon-pemohon jawatan 'Penyunting di Jabatan Perdana Menteri' yang diiklankan pada 30 Mei, 1984, bahawa jawatan tersebut sebenarnya ialah di Pejabat Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.

Pihak kami memohon maaf di atas kesilapan tersebut. — Penyunting.

Jalan raya Jerudong-Tutong akan mengurangkan kesibukan lalu lintas

Dari muka 1

Nya yang membolehkan Kerajaan Baginda merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan yang berfaedah bagi rakyat demi untuk kemakmuran dan kesejahteraan.

Di antara projek-projek pembangunan yang dapat disaksikan berjalan dengan pesatnya, titah Baginda ialah projek pembinaan jalan raya sepanjang pantai dari Jerudong — Tutong yang teristimewa dari kemudahan 'fly over', di mana rekabentuknya adalah yang terulung di negara ini. Ianya dijangka akan mengurangkan kesibukan lalu lintas melalui Pekan Tutong.

Selain dari projek jalan raya, Baginda juga merasa gembira kerana projek perbekalan Air Sungai Benutan akan menambahkan pengeluaran air untuk kawasan di Daerah Tutong dan Brunei-Muara yang juga pada masa ini sedang berjalan lancar.

Baginda selanjutnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas ucapan selamat yang dilafazkan dalam Istiadat tersebut dan mencatatkan penghargaan Baginda kepada wakil-wakil kaum serta badan-badan kebajikan Daerah Tutong atas isi kandungan ucapan selamat dari mereka.

Mengakhiri titah, Baginda sukacita mengambil kesem-

patan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang berkenaan kerana memberikan sumbangan dan usaha bagi menyusun serta mengadakan berjenis-jenis upacara untuk menjayakan upacara sambutan Hari Keputeraan Baginda.

Penduduk Daerah Belait nikmati projek kemajuan

Dari muka 1

Menyentuh mengenai dengan perkembangan Daerah Belait, Baginda menyatakan rasa sukacita Baginda pada mengetahui yang daerah itu juga tidak terkecuali menikmati beberapa projek kemajuan yang dirancang untuk mendatangkan faedah kepada rakyat dan penduduk di daerah tersebut.

Ini termasuklah pembinaan bangunan kedai bumiputera di Kuala Belait dan Seria serta penyediaan tapak-tapak tanah perumahan bagi rakyat jati yang tidak mempunyai tanah dan rumah untuk kediaman sendiri.

"Sememangnya telah menjadi hasrat Beta supaya segala usaha yang dirancang itu akan dapat dirasakan dan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini tanpa mengira daerah dan kawasan," titah Baginda.

balik melalui hadapan Der-maga Kastam dan Eksais Diraja, didahului oleh kapal-kapal Kerajaan yang dihiasi indah dengan lampu-lampu cucul.

Di antara jemputan yang hadir malam itu ialah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin; dan Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad.

RAKYAT MENJUNJUNG KASIH DI ATAS KURNIA TANAH

Oleh: Aisah Piee

bolehkan rakyat Baginda membina rumah sendiri di atas tanah tersebut.

Selain dari penganugerahan tersebut, katanya, rakyat dan penduduk daerah itu juga tidak ketinggalan menikmati berbagai kemudahan yang sedang dan telah disediakan oleh Kerajaan Baginda. Antaranya termasuk bekalan elektrik, air, gas, telefon, sekolah, hospital, masjid, pembinaan jalan kecil, pemasangan radio telefon, perkhidmatan perubatan udara dan sebagainya.

Manakala projek kemajuan yang sedang dan akan dilaksanakan di daerah itu, tambah Awang Haji Puasa, ialah pembinaan 'Bypass Road' dari Anduki ke Kuala Belait, pembinaan pejabat-pejabat Kerajaan yang baru di Kuala Belait, pembinaan jalan baru dari Kampong Sungai Teraban ke Sungai Tujoh, penimbunan kawasan untuk perumahan pegawai-pegawai rendah Kerajaan di Mumong, dan pembinaan satu blok kedai bumiputera di Kuala Belait dan Seria.

"Ini kesemuanya jelas membuktikan bahawa Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa tidak kendur-kendur berusaha, memeduli, mengelinga dan berusaha menyediakan serta melaksanakan berbagai jenis perkhidmatan, kemudahan, projek dan seumpamanya untuk kepentingan, kebajikan, kesejahteraan dan kesenangan bukan saja kepada rakyat dan penduduk di daerah ini, malahan juga kepada seluruh rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam yang sama-sama dicintai ini," sembah Awang Haji Puasa.

Dalam sembah kesyukuran memperingati Hari Puja Usia ke-38 Baginda di Majlis Mengadap dan Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan di sini Ahad lalu, Awang Haji Puasa mewakili Pegawai dan Kakitangan Kerajaan di

Berkursus di UK

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Empat orang pegawai dari Jabatan Pasukan Bomba akan bertolak ke United Kingdom pada hari Khamis esok untuk mengikuti kursus kebombaan selama enam bulan.

Mereka ialah Pemangku Pegawai Balai, Haji Bujang bin Haji Daud; Timbalan Pegawai Balai, Haji Tapa bin Haji Haris; Timbalan Pegawai Balai, Mohd. Azanisham bin Abdullah dan Penolong Pegawai Balai, Ak Othman bin Pg. Abd. Rahman.

Pegawai-pegawai Bomba itu akan mengikuti kursus tersebut di Pusat Latihan Bomba di Lancashire dan di Maktab Perkhidmatan Bomba Moreton-in-Marsh, Gloucestershire. Kursus tersebut akan bermula dari 30 Julai hingga 7 Disember, 1984.

daerah itu, juga menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas penganugerahan kenaikan gaji secara kebelakangan mulai 1 Januari, 1984 kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan.

"Dengan hati yang penuh bersih dan tulus ikhlas abis hamba Duli Tuan Patik sekalian menyembahkan kesetiaan dan persediaan bagi menjunjung apa jua titah Kebawah Duli Tuan Patik pada memupuk segala usaha dan tenaga yang direndai oleh Allah s.w.t. dalam mendukung usaha kebijaksanaan Kebawah Duli Tuan Patik bagi menghasratkan Negara Brunei Darussalam ke arah yang dicita-citakan oleh Kebawah Duli Tuan Patik bagi menjadikan Negara Brunei sebuah negara yang mantap, penuh berdaulat, makmur dan aman," sembahnya lagi.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin menyembahkan ucapan kesyukuran di Istiadat Mengadap sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di Daerah Belait.

Pameran Urusan Rumahtangga ditunda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran Urusan Rumahtangga anjuran Persatuan Pertiwi yang dijadualkan diadakan pada 29 Julai ini adalah ditunda kepada 3 Ogos depan.

Bagaimanapun tempat pameran itu tidak diubah iaitu bertempat di Bilik Kuliiah/Pameran Stadium Negara Hassanah Bolkih. Pameran tersebut akan bermula jam 9.30 pagi.

Dua lagi pegawai ABDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lagi pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dinaikkan pangkat.

Lt. Rosli bin Ahmad dari Tentera Udara telah dinaikkan pangkat Kapten mulai 17 Jun, 1984, manakala Lt. Muda Khadijah bte Haji Kassim dari Kompeni Askar Wanita dinaikkan pangkat Leftenan mulai 26 April, 1984.

20 kenaikan disertai perarakan di air

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hujan lebat yang turun pada malam 21 Julai lepas tidak matakahkan semangat 20 peserta Perarakan Berucut Kenaikan Di Laut untuk terus menyertai acara yang sudah menjadi tradisi perayaan itu.

Penyertaan tahun ini dibahagikan kepada empat bahagian yang terdiri dari Bahagian Perseorangan; Bahagian Kampung-

kampung dan Mukim; Bahagian Kumpulan/Persatuan/Firma dan Bahagian Jabatan-jabatan Kerajaan.

Perarakan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun ini bermula dari Pulau Si Bungor mudik ke hulu Sungai Brunei di perairan Istana Nurul Iman dan berpatah